

## BAB

### 6

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

### 1 Pengenalan

Pembangunan sektor ekonomi informal di Dunia Ketiga, mula diberi perhatian oleh pemerintah, setelah ianya diketengahkan oleh Hart (1971) dan ILO (1972). Kepentingan dan peranan sektor ini dalam pembangunan ekonomi bandar, terutamanya bagi bandar-bandar di Dunia Ketiga, telah diperjelaskan oleh McGee dan Teung (1977), dan McGee (1977, 1979 dan 1982). Di Malaysia, peranan ekonomi sektor informal bandar telah diperbincangkan oleh Samad Hadi (1985), Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob (1992), Mohd Razali Agus, 1992; 1994), Nor Aini Hj Idris (1996) dan lain-lain penyelidik, pentadbir serta para akademik. Kebanyakan mereka nerumuskan bahawa sektor ekonomi informal bandar adalah penting dan ianya hendaklah dibangunkan, kerana sejumlah besar penduduk bandar mencari nafkah melalui kegiatan ekonomi sektor ini. Dalam pada itu, kegiatan ekonomi sektor informal juga penting kepada penduduk miskin dan berpendapatan rendah di bandar, kerana ianya dapat membantu mengatasi masalah kemiskinan bandar, melalui peluang-peluang pekerjaan yang wujud dan saluran pasaran barang.

Konsep dan ciri-ciri sektor ekonomi informal, seperti mudah dimasuki, penggunaan modal yang kecil, tingkat operasi yang kecil, penggunaan teknologi yang rendah, tidak memerlukan kemahiran yang tinggi dan diusahakan secara keluarga dan sebagainya, menyebabkan ianya mudah berkembang dengan luas. Di bandar, sejumlah besar penduduk terlibat dengannya dan ini sudah tentu dapat menampung

luang-peluang pekerjaan dalam menghadapi tekanan pertambahan penduduk bandar. Apa yang penting, ialah pengiat sektor ekonomi informal adalah merupakan individu yang bekerja sendiri. Oleh kerana mereka merupakan pekerja persendirian, maka mereka berinisiatif sendiri untuk memajukan kegiatan yang diusahakan. Anakala pihak berkuasa pula, hanya bertindak sebagai pengawal, agar setiap aktiviti tidak timbul kemudaratatan awam. Mengusahakan kegiatan sektor ekonomi informal juga adalah merupakan aras pencetus semangat berniaga. Orang-orang yang terlibat engannya, memperolehi pengalaman dan kemahiran, apabila telah lama mengusahakannya. Maka, potensi untuk berkembang dan maju, mempunyai ruang bagi mereka. Malah, rata-rata individu yang berjaya dalam lapangan perniagaan dan perdagangan, asalnya berkecimpung dalam kegiatan sektor ekonomi informal.

Pembangunan ekonomi bandar sektor formal, tidak dapat digerakkan sepenuhnya, tanpa melibatkan penyertaan sektor ekonomi informal. Banyak penemuan-penemuan kajian ( misalnya kajian Noraziah Ali, 1990 ) menunjukkan sektor ekonomi informal adalah penggerak dan pelengkap sistem ekonomi formal, bagi menjana pembangunan ekonomi sesebuah bandar. Oleh itu, kemunculan kegiatan ekonomi sektor informal, tidak seharusnya dihalang atau diambil kepentingan oleh mana-mana pihak. Manakala pembangunan dan perkembangannya hendaklah ditingkatkan, melalui membuka peluang-peluang baru, penyediaan infrastruktur, bantuan-bantuan dan sebagainya, supaya orang-orang yang terlibat dengannya tidak tersisih dalam arus pembangunan globalisasi ekonomi bandar.

Penghuni bandar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan taraf sosioekonomi, tidak dapat meneruskan penghidupan bandar, sekiranya tidak ada

ang untuk mereka mencari pendapatan. Golongan miskin dan berpendapatan rendah, tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pemerintah untuk mengubah taraf sosioekonomi mereka. Manakala golongan yang kurang upaya, seperti orang yang cacat dan golongan yang kurang berasib baik, seperti ibu-ibu tunggal, terpaksa berusaha sendiri mencari nafkah, untuk menanggung orang-orang yang berada di bawah tanggungannya. Lantaran mereka tidak berupaya dan kurang berasib baik, maka peluang untuk mencari pendapatan dalam sektor formal agak terhad. Oleh itu, dapat diperlukan golongan ini dapat meneruskan penghidupan di bandar, malalui penerokaan ekonomi bandar sektor informal, sesuai dengan keupayaan yang ada dan peluang-peluang yang terbuka.

Di Kuala Lumpur, penjajaan adalah salah satu kegiatan sektor ekonomi informal yang penting dalam penjanaan pembangunan ekonomi bandar raya ini. Ini dibuktikan, kerana dianggarkan seramai 121,086 orang penduduk Kuala Lumpur terlibat dalam jenjangnya (lebih kurang 9.4 peratus). Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL, bilangan penjaja sebenar yang menjaja secara aktif di lokasi agak sukar untuk ditentukan. Ini kerana terdapat penjaja yang menjaja tanpa lesen (penjajah haram) dan kadang-kadang kegiatannya sukar dikesan. Kemakmuran ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, serta didorong oleh sikap warganya yang suka berbelanja di gerai-gerai penjaja, telah memberi rezeki yang baik kepada para penjaja. Oleh itu, kegiatan menjaja bukan sahaja diceburi oleh warga tempatan, tetapi juga menarik minat warga asing. Walaupun tidak ada maklumat lengkap mengenai penglibatan warga asing dalam kegiatan menjaja di Kuala Lumpur, namun penglibatan mereka sering didedahkan oleh media massa agar

nak berkuasa bertindak tegas terhadap mereka (lihat Lampiran 6). Ini kerana warga negara dilarang sama sekali menjalankan kegiatan menjaja di negara ini, bagi perlindungi penjaja-penjaja tempatan.

Sebagaimana juga mengenai persetingganan, maklumat mengenai penjaja juga sukar untuk ditentukan secara tetap. Ini kerana penjajaan mereka kadang-kadang tidak kekal, sesetengah penjaja sentiasa berpindah lokasi (penjaja bergerak) dan ada yang menjaja dalam keadaan dan masa-masa tertentu sahaja (penjaja permusim). Apa yang paling ketara ialah bilangan penjaja di Kuala Lumpur sentiasa berubah, mengikut gelombang ekonomi negara dan dasar-dasar semasa kerajaan. Misalnya, semasa kemelesetan ekonomi negara tahun-tahun 1980-an, ramai penduduk Kuala Lumpur hilang mata pencarian, terutamanya mereka yang bekerja di sektor formal. Sebagai pilihan, individu-individu yang hilang pekerjaan ini mengusahakan kegiatan ekonomi sektor informal, seperti menjaja makanan dan sebagainya. Begitu juga dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara pada penghujung tahun-tahun 1990-an, didapati ramai mereka yang dibuang kerja melakukan kegiatan menjaja untuk mencari pendapatan. Walaupun agak sukar untuk memperolehi lesen menjaja daripada DBKL, tetapi mereka terus menjaja tanpa lesen kerana terpaksa. Mungkin kegiatan mereka ini untuk sementara sahaja, sehingga keadaan ekonomi pulih dan mereka dapat bekerja semula dalam sektor formal.

Akhir-akhir ini, muncul pula satu kecenderungan, di mana kegiatan menjaja diusahakan oleh individu yang tamat pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi. Keadaan kegawatan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya, menyebabkan peluang pekerjaan untuk mereka masih belum terbuka luas. Sementara menunggu

kerjaan tetap, mereka mencari pendapatan melalui kegiatan menjaja, sama ada cara membantu penjajaan yang telah diusahakan oleh keluarga atau menjaja secara persendirian di lokasi-lokasi yang mempunyai ruang untuk berbuat demikian. Sangat dan usaha yang dilakukan oleh lepasan pusat pengajian tinggi ini harus pandang tinggi, kerana mereka cuba berdikari melalui kegiatan menjaja. Ramainya penduduk Kuala Lumpur melibatkan diri dengan aktiviti penjajaan, kerana aktiviti ini mudah untuk diceburi. Mereka boleh masuk dan keluar pada bila-bila masa, tanpa nyak sekatan dan halangan tertentu. Ramai di kalangan responden mengakui hakikat ini dan oleh itu, ianya menjadi tarikan kepada individu untuk menjaja, sama saja menjaja secara sepenuh masa atau secara sampingan. Dengan ini, jelaslah bahawa menjaja adalah salah satu daripada peluang pekerjaan bagi penduduk Kuala Lumpur. Kegiatannya memberi pulangan pendapatan yang agak lumayan, sehingga ia menarik minat ramai. Manakala pihak berkuasa dan pentadbir bandar pula tidak menghalang daripada ianya terus tumbuh dan berkembang.

Apapun, perkembangan dan pertumbuhan penjaja di Kuala Lumpur hendaklah dilihat dalam dua perseptif utama, iaitu perseptif positif dan perseptif negatif. Kedua-dua perseptif ini memberi makna dan gambaran yang berlainan dan mempengaruhi pihak berkuasa dalam menggubal dasar-dasar dan perancangan bandar. Menyedari hakikat ini, pihak DBKL mula membekukan pengeluaran lesen menjaja di jalanan mulai tahun 1996, kerana kehadiran penjaja jalanan mula menimbulkan ketidakselesaan, kepada warga kota yang lain dari segi kebersihan, gangguan awam dan keindahan bandar. Ringkasnya, perkembangan penjaja di Kuala Lumpur hendaklah dikawal, agar ianya tidak menimbulkan permasalahan yang

rtambah rumit dan sukar untuk diselesaikan. Penjaja-penjaja yang sedia ada tidaklah diselia rapi, agar kecantikan bandar tidak dicacatkan oleh kegiatan menjaja, kerana kebanyakan penjaja terdiri daripada individu yang agak rendah taraf sosioekonomi. Individu yang seperti ini, selalunya tamak, lebih mementingkan untungan diri dan lupa kepada tanggungjawab sosial mereka terhadap penghuni bandar yang lain. Sehubungan dengan ini, didapati pihak DBKL kini bersungguh-sungguh untuk menaikkan imej para penjaja di Kuala Lumpur, melalui langkah-langkah penguatkuasaan peraturan menjaja, menyusun semula penjaja jalanan ke kasi-lokasi yang lebih sesuai serta menempatkan semula mereka ke pusat-pusat menjaja yang sedia ada atau ke penempatan baru. Didapati DBKL kini, rancangan membina pusat-pusat menjaja yang sistematik dan moden. Adalah diharapkan, suatu masa akan datang, semua penjaja yang ada di Kuala Lumpur, menjaja dalam kaedah menjajaan moden dan penuh keselesaan.

### **3.2 Rumusan Penemuan Kajian**

Kajian ini telah menghasilkan beberapa penemuan dan kesimpulan yang akan diperbincangkan seperti berikut:

#### **6.2.1 Menjaja Adalah Salah Satu Kegiatan Ekonomi Sektor Informal Bandar.**

Pembandaran turut mengubah kegiatan ekonomi penduduk bandar. Ternyata penduduk bandar tidak lagi mengusahakan kegiatan pertanian atau mencari nafkah hidup untuk menyara keluarga dengannya. Apa yang jelas ialah

ekonomi bandar berkembang melalui sektor formal dan juga sektor informal. Penduduk bandar yang tidak berupaya untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sektor formal kerana halangan-halangan tertentu, bukanlah menjadi alasan utama untuk mereka meninggalkan bandar. Ini kerana peluang-peluang untuk mencari pendapatan juga terbuka luas di sektor informal. Tinggal lagi sikap dan minat individu bandar berkenaan, sama ada ada untuk mengusahakannya ataupun tidak. Misalnya kegiatan menjaja adalah salah satu peluang kepada penghuni bandar untuk mencari nafkah, bagi menampung keperluan sosioekonomi keluarga. Menjaja, agak senang untuk mengusahakannya. Sesiapa sahaja boleh menjaja, tanpa banyak gangguan ataupun halangan. Sebahagian besar responden menyatakan bahawa menjaja agak senang untuk diusahakan, tinggal lagi minat, sikap dan ketekunan yang menjadi angkubah penting, sama ada berjaya atau gagal dalam lapangan berkenaan.

Modal yang diperlukan dalam aktiviti menjaja agak kecil dan bergantung kepada jenis barang yang hendak dijaja, serta kategori penjajaan dan konsep menjaja yang hendak dijalankan. Juga tidak memerlukan kemahiran yang tinggi. Sudah cukup sekadar tahu serba sedikit asas akaun dan ianya boleh dipelajari dalam masa yang singkat, melalui kawan-kawan atau saudara mara. Kegiatan menjaja boleh dimulakan secara kecil-kecilan, dengan modal permulaan dan modal operasi yang kecil, seperti menjual kuih-muih, nasi lemak, goreng pisang dan sebagainya. Di kalangan responden, ramai didapati tingkat operasi penjajaan mereka adalah kecil-kecilan. Waktu untuk menjaja

didapati tidak terhad dan ianya boleh dilakukan mengikut kesesuaian masa individu yang menjaja, seperti sebelah pagi,tengah hari, petang ataupun malam. Kegiatan menjaja juga boleh bersaing bebas, tanpa ada apa-apa sekatan atau peraturan yang ketat. Malah, didapati orang-orang yang terlibat dengan kegiatan menjaja, mendapat dorongan dan bantuan tertentu oleh pihak yang berkuasa, supaya mereka dapat bergiat dalam suasana yang lebih selesa. Mereka yang menjaja juga didapati bebas untuk keluar dan masuk bila-bila masa, tanpa apa-apa halangan dan kawalan, bergantung kepada individu yang mengusahakannya. Maka sebab itu, kita dapat seseorang itu tidak sepenuh masa menjaja. Ada hari-hari atau masa tertentu yang mereka sengaja tidak mahu menjaja, mengikut cita rasa sendiri. Terdapat responden yang melaporkan bahawa mereka tidak menjaja setiap hari di gerainya dan gerai ditutup apabila tidak menjaja.

Dengan ini, jelaslah kepada kita bahawa konsep dan ciri-ciri yang terdapat pada kegiatan menjaja seperti mana yang diperbincangkan, adalah merupakan kegiatan ekonomi sektor informal. Apa yang penting dalam kegiatan menjaja ialah pasaran, iaitu sambutan daripada orang ramai terhadap barang yang dijajaj. Oleh yang demikian, sambutan orang ramai adalah merupakan angkubah penting bagi menentukan seseorang penjaja itu dapat bertahan atau tidak dengan kegiatannya. Manakala penentu pasaran pula, antara lainnya bergantung kepada ramai atau sedikit orang, pada sesuatu kawasan atau lokasi. Maka, bandar yang penduduknya ramai dan sesetengah penduduk bandar tertumpu di lokasi tertentu, menjadi tarikan kepada penjaja untuk

menjaja di lokasi berkenaan. Oleh sebab itu, di pusat bandar yang menjadi tumpuan orang ramai, menjadi pilihan utama para penjaja untuk menjaja. Oleh kerana kegiatan menjaja agak ringkas dan mudah, maka menjaja boleh dilakukan sama ada secara bergerak atau secara menetap di satu-satu lokasi (penjaja statik) dengan dibantu oleh ahli keluarga.

Oleh kerana kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur dikawal oleh DBKL melalui konsep perlesenan, maka kegiatan menjaja di bandar raya ini agak sukar sedikit untuk diceburi. Lesen daripada DBKL diperlukan terlebih dahulu sebelum menjaja. Walaupun dikawal, DBKL masih mengamalkan dasar terbuka kerana ada penjaja tanpa lesen yang telah bertahun-tahun menjaja, tetapi tidak diambil tindakan oleh DBKL. Dengan ini, untuk kes menjaja di Kuala Lumpur, tidak terjamin kegiatannya jika menjaja tanpa lesen. Memperolehi lesen menjaja juga tidak begitu mudah, kerana DBKL menetapkan syarat-syarat tertentu. Oleh yang demikian, kegiatan menjaja di bandar raya Kuala Lumpur, secara umumnya merupakan kegiatan ekonomi sektor "informal kuasi". Ini kerana terdapat sedikit halangan untuk memasuki secara terus dan terdapat peraturan yang dibuat oleh pihak DBKL mengenai kegiatan menjaja di bandar raya ini yang perlu dipatuhi oleh penjaja.

### **6.2.2 Menjaja Sebagai Peluang Pekerjaan Bandar**

Di Malaysia, pembandaran yang pesat dan paling ketara berlaku ialah selepas pelancaran DEB, pada tahun 1971. Selepas pelancaran dasar ini, penduduk desa beramai-ramai meninggalkan desa dan berhijrah ke bandar.

Tujuannya, adalah untuk mengubah bidang pekerjaan daripada bekerja sebagai petani atau nelayan di desa, kepada pekerjaan lain yang bukan dalam bidang pertanian atau perikanan di bandar. Penduduk desa tidak dapat bertahan lagi untuk meneruskan pekerjaan pertanian dan perikanan yang pendapatannya tidak menetap, serta tidak setimpal dengan keringat dan usaha yang dilakukan. Mereka hidup dalam kemiskinan di desa dan mengambil langkah berhijrah ke bandar, bagi mengubah keadaan sosioekonomi keluarga, yang telah sekian lama bergelumau dengan masalah kemiskinan. Maka, Kuala Lumpur menjadi pilihan dan merupakan destinasi utama penduduk desa berhijrah.

Sementara itu, di bawah DEB, banyak kilang-kilang dan perindustrian wujud di bandar, dan memerlukan tenaga kerja yang ramai. Oleh itu, peluang ini diambil oleh penduduk desa untuk menceburinya. Walau bagaimanapun, tidak semua penduduk desa yang berhijrah, memperolehi pekerjaan di sektor perdagangan dan perindustrian, lantaran taraf pelajaran mereka rendah dan kurang kemahiran, sedangkan mereka telah berada di bandar. Sebagai pilihan, mereka terpaksa menjalankan kegiatan menjaja untuk mencari pendapatan, bagi membolehkan mereka terus menetap di bandar. Tambahan pula, ruang untuk menjalankan kegiatan menjaja sentiasa terbuka kepada sesiapa sahaja, kerana ianya agak senang untuk dimasuki, tanpa mengira taraf pelajaran atau kemahiran seseorang. Dalam masa yang sama, kerajaan menggalakan kehadiran orang-orang Melayu ke bandar, terutamanya Kuala Lumpur, untuk mengimbangi bilangan penduduk dari segi kaum. Oleh itu, kegiatan menjaja

juga digalakkan, supaya orang-orang Melayu yang berhijrah mempunyai pekerjaan dan menarik minat mereka untuk terus tinggal di bandar. Apabila mereka memperolehi pendapatan yang agak setimpal dengan usaha yang dilakukan, maka kegiatan menjaja mula menarik minat penduduk desa yang lain, untuk terus datang ke bandar dan melakukan kegiatan menjaja. Oleh itu, didapati perkembangan penjaja di Kuala Lumpur agak mendadak, sekitar tahun-tahun 1970-an dan tahun-tahun 1980-an (lihat Jadual 4.3).

Tumpuan penduduk Kuala Lumpur dalam kegiatan menjaja, bukan sahaja di kalangan individu yang baru tiba dari desa, tetapi juga yang telah agak lama menetap di Kuala Lumpur, terutamanya individu yang telah bekerja dalam sektor formal, tetapi berpendapatan rendah. Hakikat ini, diakui oleh kebanyakan responden dalam kajian ini. Ada di kalangan responden berhenti daripada bekerja di kilang atau firma, semata-mata untuk mencari pendapatan lebih melalui menjaja. Manakala didapati juga responden yang terdiri daripada pekerja peringkat rendah sektor formal, seperti kakitangan kerajaan dan pekerja-pekerja swasta, menjaja sebagai kerja sampingan, bagi mencari pendapatan tambahan, untuk menampung kos penghidupan yang tinggi di Kuala Lumpur. Mereka melakukannya di luar waktu kerja tetap mereka, seperti menjaja di waktu malam bagi yang bekerja siang dan menjaja di watu siang bagi yang bekerja tetap di waktu malam hari.

Menjaja terus dilakukan oleh individu yang mengusahaakannya, kerana ianya merupakan pekerjaan yang menghasilkan pendapatan yang agak lumayan. Oleh yang demikian, setiap ruang yang ada di Kuala Lumpur dan

berpotensi untuk menjaja, dijadikan lokasi atau tapak menjaja sehingga kemunculan penjaja-penjaja di Kuala Lumpur agak tidak terkawal lagi oleh pihak berkuasa. Bahkan muncul pula berbagai-bagai implikasi, akibat daripada bertambahnya bilangan penjaja dari masa ke semasa. Apapun, kegiatan menjaja merupakan salah satu peluang pekerjaan di Kuala Lumpur dan orang-orang yang terlibat dengannya dapat meneruskan penghidupan bandar dengan selesa. Sebagai rumusan daripada apa yang dibincangkan, ialah didapati sebahagian daripada penduduk Kuala Lumpur menjadikan kegiatan menjaja sebagai pekerjaan utama bagi mereka. Ini dapat dilihat di kalangan responden yang membentuk 93.7 peratus daripada keseluruhannya, menjaja adalah pekerjaan utama mereka. Manakala sebahagian penduduk Kuala Lumpur lagi, menjadikan kegiatan menjaja adalah sebagai kerja sampingan. Di kalangan responden, didapati 6.3 peratus menjaja sebagai kerja sampingan.

### **6.2.3 Penjaja Sebagai Saluran Pasaran Golongan Berpendapatan Rendah**

Penduduk bandar terdiri daripada berbagai-bagai taraf sosioekonomi. Ada golongan kaya, sederhana dan miskin. Bagi golongan kaya dan berada, kebiasaan mereka memperolehi barang atau perkhidmatan melalui saluran pasaran formal, walaupun harganya agak mahal, kerana mereka mampu dan mengutamakan kualiti serta keselesaan dan kecekapan berurus. Kebiasaan mereka, "supermarket" atau gedong-gedong perniagaan besar menjadi pilihan mereka. Keadaan ini berlainan dengan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Mereka akan cuba untuk memaksimakan setiap ringgit

yang dibelanjakan. Tempat-tempat di mana menawarkan harga barang yang murah, lebih menjadi pilihan, selaras dengan pendapatan mereka yang rendah, agar jumlah wang yang dibelanjakan dapat dipanjangkan. Maka, barang yang dipasarkan oleh penjaja, kebiasaannya menjadi pilihan golongan miskin dan berpendapatan rendah, memandangkan harga yang ditawarkan agak murah dan berpatutan. Kadang-kadang barang yang berkualiti baik boleh didapati daripada penjaja.

Penjaja yang menjaja barang makanan bermasak, memainkan peranan yang penting terutama sekali kepada penghuni bandar yang tidak mempunyai kemudahan tertentu, seperti orang bujang atau keluarga bersaiz kecil. Atas sebab-sebab seperti kesuntukan masa atau sebab-sebab lain, mereka memilih untuk membeli makanan daripada penjaja di gerai, yang dianggap lebih ekonomik.

Satu lagi kepentingan penjaja makanan bermasak, ialah khidmatnya kepada golongan pekerja. Sebahagian besar daripada pekerja di bandar, tidak pulang ke kediaman masing-masing untuk makan tengah hari. Oleh itu, mereka memerlukan khidmat penjaja di sekitar tempat kerja mereka. Hakikat ini mendorong penjaja-penjaja makanan dan minuman bertumpu di kawasan pejabat-pejabat. Walaupun di bandar terdapat banyak restoran dan "coffee-house", tetapi tempat-tempat seperti ini harga makanan dan minuman adalah lebih tinggi kerana kos "overhead" dan pengurusannya tinggi. Maka, makanan di gerai penjaja dan warung menjadi minat sebahagian besar pekerja bandar.

Menyedari akan keperluan golongan miskin dan berpendapatan rendah ini, maka didapati penjaja akan cuba bertumpu di tempat-tempat di mana golongan ini ramai. Oleh sebab itu, kita dapat berhampiran kilang-kilang, pejabat kerajaan, swasta dan pasar-pasar harian, menjadi tempat penumpuan penjaja. Pasar malam yang terdapat di Kuala Lumpur ini, adalah salah satu saluran pasaran golongan berpendapatan rendah memperolehi barang. Sebab itu, pasar malam banyak didapati di kawasan-kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah dan miskin. Pekerja-pekerja sektor formal berpendapatan rendah akan mengunjungi penjaja jalanan, bagi mendapatkan bekalan makanan, kerana harga yang ditawarkan agak rendah. Ini kerana penjaja tidak banyak mengeluarkan kos untuk beroperasi, seperti sewa bangunan, gaji pekerja, tidak membayar cukai dan sebagainya. Di sini, jelas terbukti bahawa penjaja adalah memainkan peranan penting, dalam kehidupan golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar. Tanpa penjaja golongan ini menghadapi kepayahan.

Selain daripada itu, satu lagi peranan penting yang dimainkan oleh penjaja dalam saluran pasaran, ialah di mana penjaja boleh berfungsi sebagai orang tengah, menjual barang-barang yang dikeluarkan oleh pengeluar atau yang hendak diruncitkan oleh pembekal. Di sini, penjaja berperanan sebagai penyalur barang kepada pengguna dan ini memudahkan pengguna mendapatkan barang keperluan secara terus, serta berhampiran dengan tempat kediaman pengguna. Penjaja juga didapati berfungsi sebagai pengeluar-penjual. Penjaja dari kategori ini, mendapat kadar keuntungan yang

tinggi, kerana mengamalkan sistem jualan terus kepada pengguna. Pada masa yang sama, pengguna juga boleh mendapat faedah dari sistem jualan terus ini, kerana jualan dibuat terus dengan pengeluarnya, tanpa melalui orang tengah. Sebarang masalah yang berbangkit, bersabit dengan barang yang dijual, boleh diselesaikan serta merta. Dengan ini, penjaja memainkan peranan penting dalam kehidupan golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar. Oleh yang demikian, mereka juga turut menyumbang kepada pembangunan sistem ekonomi bandar.

#### **6.2.4 Majoriti Penjaja Terdiri Daripada Individu Yang Rendah Taraf Pelajaran**

Kajian mengenai kegiatan menjaja di beberapa buah bandar di Asia Tenggara oleh McGee (1977), mendapati sebilangan besar daripada penjaja-penjaja terdiri daripada individu-individu yang taraf pencapaian pelajaran yang rendah. Kajian atau pemerhatian oleh McGee (1977) ini, nampaknya mendapat sokongan oleh kajian-kajian mikro tempatan seperti Mohd Hazim (1979), Zaiton Mohd Nor (1982), Siong Tong Joo (1983), Rokiah Talib dan Mohd Fauzi Yaacob (1986) dan lain-lain. Pengkaji-pengkaji ini melaporkan bahawa sejumlah besar kes-kesnya terdiri daripada mereka yang bersekolah hanya di peringkat rendah dan terdapat juga yang tidak bersekolah langsung. Hanya sejumlah kecil sahaja daripada mereka mendapat pendidikan formal hingga ke peringkat menengah. Ringkasnya, para penjaja adalah kebanyakannya terdiri daripada individu-individu yang tercicir dalam pelajaran.

Kajian ini juga menghasilkan natijah yang sama, di mana 66.3 peratus responden mendapat pendidikan formal setakat sekolah rendah, 32.4 peratus sehingga sekolah menengah dan 1.3 peratus tidak bersekolah. Rata-rata responden, melaporkan bahawa mereka tidak dapat meneruskan pelajaran kerana sebab-sebab sosioekonomi keluarga dan tercicir dalam pelajaran.

Penjaja-penjaja dari kumpulan etnik yang berlainan, memperlihatkan senario yang sama, di mana sejumlah besar daripada mereka mendapat pendidikan secara formal hanya setakat sekolah rendah dan sebahagian lagi setakat sekolah menengah rendah. Taraf pelajaran yang dicapai setakat ini, mungkin cukup untuk mereka membaca, menulis dan membuat kira-kira peringkat asas. Oleh itu, dengan mengandaikan bahawa apa yang benar di peringkat mikro (penemuan kajian atau pemerhatian oleh penyelidik) adalah juga benar di peringkat makro dan diperkuatkan lagi dengan penemuan kajian ini, maka dapat dibuat kesimpulan bahawa sebahagian besar penjaja-penjaja di bandar raya Kuala Lumpur, terdiri daripada mereka yang mempunyai taraf pencapaian pelajaran yang rendah. Mereka memasuki lapangan kepenjajaan, kerana lapangan itu senang dimasuki, tanpa memerlukan sebarang keperluan pelajaran, melainkan sedikit modal, sedikit kemahiran dan semangat yang cekal, serta mempunyai kesanggupan untuk bekerja keras, bagi mendapatkan rezeki yang halal.

### **6.2.5 Penjaja Di Kuala Lumpur Terdiri Daripada Beberapa Kelompok / Kategori**

Telah dikenal pasti dan diperkatakan bahawa penjajaan adalah salah satu bidang pekerjaan di sektor ekonomi informal yang agak ramai diceburi oleh warga kota bandar raya Kuala Lumpur. Mereka mencari pendapatan yang halal dengan pekerjaan berkenaan, untuk meneruskan penghidupan keluarga di bandar raya ini. Oleh kerana bidang penjajaan hanya memerlukan syarat kemasukan yang minima, maka bentuk kegiatannya disesuaikan dengan lokasi yang ada, sama ada dilakukan secara tetap atau secara sambilan. Rata-rata penjaja yang ada di Kuala Lumpur, menjaja dengan menggunakan gerai berbentuk kereta tolak berukuran 3 kaki lebar dan 6 kaki panjang. Dalam pada itu, terdapat juga yang menjaja dengan menggunakan kenderaan, seperti beca roda tiga, motosikal beroda tiga dan van yang diubahsuai. Mereka menjaja dalam bentuk penjajaan bergerak. Barang yang dijaja pula, dapat dibahagi kepada dua jenis, iaitu makanan dan bukan makanan. Mereka menjaja di beberapa lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai.

Di Kuala Lumpur, golongan penjaja dapat dikesan terdapat beberapa kategori penjajaan dan mereka kebiasaannya berkelompok di sesuatu lokasi, walaupun terdapat juga yang menjaja secara berasingan. Kategori penjaja yang ada ialah seperti penjaja pasar, penjaja di pusat menjaja makanan, penjaja statik di jalan, penjaja pasar malam dan penjaja bergerak. Setiap kategori penjaja seperti yang dinyatakan, didapati sejumlah besar mereka menjaja secara berkelompok / berkumpulan di satu-satu lokasi menjaja. Mereka juga telah agak lama menjaja di lokasi berkenaan, serta mengenali di antara satu

sama lain. Oleh yang demikian, kelompok-kelompok penjaja ini membentuk "sub-komuniti bandar". Mereka bersatu dan sama-sama menjaga kepentingan penjajaan mereka dengan membentuk persatuan penjaja setempat, bagi menghalang mana-mana pihak yang cuba mengugat kepentingan mereka serta untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya.

#### **6.2.6 Majoriti Penjaja Di Kuala Lumpur Terdiri Daripada Golongan Lelaki Dan Orang Muda**

Sejumlah besar penjaja yang terdapat di Kuala Lumpur, terdiri daripada golongan lelaki dan orang muda. Ini adalah berkait rapat dengan latar belakang penjaja berkenaan. Rata-rata penjaja yang ada kini, terdiri daripada golongan migran desa bandar. Golongan muda adalah di antara ciri-ciri penghijrahan dari desa ke bandar. Ini kerana golongan inilah yang mempunyai semangat untuk mengubah taraf sosioekonomi keluarga, melalui penghijrahan ke bandar. Apabila tiba di bandar, mereka menjaya sebagai bidang pekerjaan, untuk mencari pendapatan. Sejumlah besar daripada mereka, berumur dalam lingkungan umur 40-an. Iaitu peringkat umur yang mempunyai tenaga fizikal yang masih kuat dan produktif. Umur yang sebegini, sesuai untuk menjaya, kerana ianya perlu bekerja kuat, seperti berdiri dalam tempoh masa yang lama untuk menjaya barang atau melayan pelanggan dan melakukan kerja-kerja lain yang berkaitan dan memerlukan kekuatan fizikal.

Begitu juga didapati sejumlah besar penjaja terdiri daripada lelaki, kerana tenaga kerja lelaki adalah lebih kuat berbanding dengan wanita. Walaupun terdapat juga penjaja di kalangan wanita, tetapi kebanyakannya

bertindak sebagai pembantu gerai atau membantu penjajaan suami. Keadaan ini agak berlawanan dengan peniaga kecil/penjaja di pasar Kota Bharu Kelantan, sebagaimana yang dilaporkan oleh Nor Aini Hj. Idris dan Faridah Shahadan (1989), bahawa sejumlah besar penjaja-penjaja di pasar berkenaan terdiri daripada kaum wanita.

#### **6.2.7 Majoriti Penjaja Di Kuala Lumpur Terdiri Daripada Etnik Cina**

Dari segi sejarah, penduduk Kuala Lumpur lebih dominan dengan etnik Cina. Orang-orang Cina adalah merupakan penduduk awal menetap di Kuala Lumpur, dengan menjalankan kegiatan perindustrian dan perdagangan. Dalam pada itu, sebahagian daripada orang-orang Cina ini menjalankan kegiatan menjaja, di pusat bandar sebagai bidang pekerjaan mereka. Orang-orang Melayu dan India pula tidak ramai yang tinggal di Kuala Lumpur pada peringkat awal, cuma sejumlah kecil sahaja dan mereka menetap di pinggir bandar, serta bekerja dengan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. Dengan ini, pada tahun 1970, hanya terdapat 238 orang penjaja Melayu, 800 orang penjaja India dan penjaja Cina berjumlah 4,377 orang. Orang-orang Melayu Kuala Lumpur pada peringkat awal lebih berminat makan gaji daripada bekerja sendiri seperti menjaja.

Selepas pelancaran DEB pada tahun 1971, didapati penjaja Melayu di Kuala Lumpur mula bertambah, berikutan penghijrahan beramai-ramai orang-orang Melayu, dari luar bandar ke Kuala Lumpur untuk bekerja. Selaras dengan ini, sebahagian daripada mereka menjalankan kegiatan menjaja, sebagai

bidang pekerjaan mereka untuk mencari pendapatan. Oleh itu, bilangan penjaja Melayu mula meningkat (lihat Jadual 4.3). Sementara itu, penghijrahan juga berlaku di kalangan kaum Cina dan India. Orang-orang Cina yang lebih cenderung untuk bekerja sendiri, mengambil peluang yang ada untuk menjaja di pasar-pasar dan pusat menjaja yang disediakan oleh pihak berkuasa. Pertambahan bilangan penjaja Cina begitu ketara sekali pada tahun 1980-an sehingga jumlahnya bertambah sebanyak tiga kali ganda, berbandang bilangannya pada tahun 1970. Seterusnya bilangan penjaja Cina terus meningkat, dengan majoriti penjaja yang ada kini terdiri daripada orang-orang Cina, yang menjaja di pasar-pasar harian, pasar malam dan sebagainya. Oleh itu, sehingga tahun 1998, penjaja Cina merangkumi 58 peratus, Melayu 33 peratus dan India 9 peratus daripada keseluruhan penjaja berlesen yang ada di Kuala Lumpur.

#### **6.2.8 Penumpuan Dan Pengelompokan Penjaja Di Kuala Lumpur Mengikut Etnik**

Secara umum, penjaja-penjaja menjalankan kegiatan menjaja di segenap tempat di bandar raya Kuala Lumpur. Di mana-mana tempat dan ruang yang ada, serta berpotensi untuk menarik pelanggan, menjadi tempat pilihan untuk menjaja, tanpa menghitung implikasi-implikasi lain yang akan wujud, berikutnya dengan kegiatan menjaja dilakukan di satu-satu lokasi berkenaan, terutamanya penjaja-penjaja yang menjaja di jalanan.

Bangunan-bangunan yang disediakan khas untuk penjaja-penjaja seperti Pasar Borong, Pasar Jalan Raja Bot (Chow Kit), Pasar Pudu, Pasar Sentul,

Pasar Datuk Keramat dan lain-lain pusat menjaja, menjadi tumpuan para penjaja menjaja. Kegiatan penjajaan di luar bangunan tetap, lazimnya tertumpu di tapak-tapak menjaja di sekitar bangunan pasar seperti Pasar Pudu dan Pasar Jalan Raja Bot (Chow Kit ), di kawasan-kawasan lapang yang diperuntukkan kepada mereka pada ketika-ketika tertentu, seperti padang letak kereta selepas waktu pejabat, di tepi jalan-jalan dan lorong-lorong yang banyak digunakan oleh orang ramai, berhampiran dengan pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, berhampiran dengan kilang-kilang atau berhampiran dengan perhentian bas dan taxi, panggung wayang, pusat membeli-belah dan sebagainya. Tempat-tempat seperti yang dinyatakan ini, menjadi tumpuan orang ramai dan merupakan peluang pasaran, kepada penjaja-penjaja.

Didapati juga penjaja-penjaja di Kuala Lumpur, berkelompok mengikut pengelompokan etnik, sebagaimana pengelompokan dan pemisahan etnik dalam konteks perumahan, seperti yang diutarakan oleh Sanusi Osman (1985). Dalam Konteks perumahan di Kuala Lumpur, apa yang paling ketara ialah pengelompokan penghuni mengikut etnik. Misalnya, bagi etnik melayu, kawasan seperti Gombak, Datuk Keramat, Kampung Baru dan Bandar Tun Razak adalah merupakan kawasan petempatan etnik Melayu. Maka penjaja-penjaja yang ada di kawasan ini, terdiri daripada penjaja-penjaja Melayu. Kawasan-kawasan seperti Brickfields dan Sentul yang merupakan kawasan utama penduduk India, menjadi pilihan penjaja-penjaja India bertumpu di kawasan-kawasan ini. Begitu juga dengan kawasan Cheras, Kepong, Jinjang dan Segambut, yang merupakan kawasan kediaman majoriti etnik Cina,

menyebabkan penjaja-penjaja yang wujud di kawasan berkenaan majoritinya terdiri daripada etnik Cina.

Di pusat bandar raya Kuala Lumpur, pengelompokan penjaja mengikut etnik yang paling ketara sekali ialah seperti di Jalan Petaling, dimonopoli oleh penjaja-penjaja etnik Cina, sekitar Lebuh Ampang dan Lorong Masjid India menjadi tempat penjaja etnik India. Manakala penjaja-penjaja Melayu pula berkelompok di sekitar Lorong Bonus, Jalan Hj. Taib dan Jalan Hj. Hussin. Pengelompokan penjaja mengikut etnik seperti ini, disebabkan oleh beberapa faktor dan yang paling utama sekali ialah faktor sejarah pembangunan dan perkembangan Kuala Lumpur itu sendiri. Iaitu membangun dan berkembangnya Kuala Lumpur juga berlandaskan latar belakang etnik pada sesuatu kawasan itu. Maka dengan ini, penumpuan orang ramai di sesuatu kawasan, lebih cenderung kepada penumpuan mengikut etnik. Misalnya, penjaja-penjaja Melayu yang menjaja makanan bermasak, sudah pasti mereka menjaja makanan yang menjadi pilihan orang-orang Melayu, terutamanya dari segi halal-haram mengikut agama.

Selain daripada itu, didapati juga bahawa terdapat ketidakseimbangan bilangan penjaja mengikut etnik pada sesuatu tempat menjaja yang dikhaskan. Misalnya, Pasar Pudu dan Pasar Jalan Raja Bot, majoriti penjaja di pasar-pasar ini terdiri daripada etnik Cina, manakala Pasar Datuk Keramat pula, majoriti penjaja berbangsa Melayu. Selain daripada sebab-sebab seperti yang dinyatakan, keadaan seperti ini berlaku, kerana orang-orang Melayu agak terkemudian meneroka bidang penjajaan di Kuala Lumpur. Mereka dibawa

masuk hanya untuk mengisi ruang-ruang yang kosong dan keadaan ini menyebabkan penjaja-penjaja Melayu menghadapi persaingan dengan penjaja Cina yang sudah lama menjaja, dari segi pasaran dan mendapat bekalan barang yang hendak dijaja. Perbezaan sosiobudaya dan agama merupakan penghalang kepada penjaja-penjaja Melayu untuk memasuki kawasan yang menjadi majoriti penjaja Cina. Jadi, implikasi daripada ini, maka terhasilah pengelompokan penjaja mengikut etnik yang merupakan salah satu ciri-ciri penjaja yang ada di Kuala Lumpur ini.

#### **6.2.9 Penjaja Di Kuala Lumpur Telah Lama Menjaja**

Sejumlah besar di kalangan responden, melaporkan bahawa mereka telah lama menetap di Kuala Lumpur. Majoriti responden juga merupakan penghijrah dari desa yang menyahut seruan kerajaan di bawah DEB, untuk bergeriat dalam lapangan perniagaan, terutamanya penjaja-penjaja Melayu. Langkah ini diambil, supaya bilangan orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan bertambah. Mereka bermula dengan perniagaan secara kecil-kecilan seperti sebagai penjaja. Rata-rata di kalangan penjaja, didapati mereka datang ke Kuala Lumpur sekitar tahun-tahun 1970-an dan tahun-tahun 1980-an.

Walaupun mereka tidak terus menjaja apabila tiba di Kuala Lumpur, namun penglibatan mereka dalam kegiatan menjaja telah agak lama. Misalnya, di kalangan responden, didapati lebih daripada 80 peratus telah bergeriat sebagai penjaja lebih daripada lima tahun. Malah, hampir 10.0 peratus responden

melaporkan bahawa mereka telah menjaja lebih daripada sepuluh tahun. Oleh kerana telah agak lama, penjaja-penjaja menjaja di Kuala Lumpur, mereka telah faham dan cukup tahu selok-belok untuk menjaja di bandar raya ini. Lantaran telah agak lama menjaja juga, sejumlah besar penjaja mempunyai lesen menjaja yang dikeluarkan oleh DBKL, untuk menjaja di lokasi-lokasi tertentu.

Memandangkan kebanyakan penjaja yang ada di Kuala Lumpur terdiri daripada penjaja yang telah agak lama menjaja, maka bidang penjajaan adalah merupakan pekerjaan tetap bagi mereka, untuk mencari nafkah. Sekiranya kegiatan menjaja yang telah mereka lakukan sekian lama dihalang, maka sudah tentu akan menimbulkan berbagai-bagai implikasi di kalangan penjaja, kerana ini melibatkan soal pekerjaan dan punca pendapatan. Oleh sebab itu, sering kedengaran penetangan, rayuan dan rintihan di kalangan penjaja, bila mana melibatkan pemindahan atau penempatan semula penjaja ke lokasi yang agak asing bagi mereka.

#### **6.2.10 Penjaja Di Kuala Lumpur Berpendapatan Lumayan**

Kajian kes mengenai penjaja dan peniaga kecil di bandar-bandar, selalunya memaparkan dimensi kemiskinan di kalangan mereka. Manakala kemiskinan itu pula, selalunya dikaitkan dengan wanita dan sektor informal. Gambaran kemiskinan dalam kegiatan peniaga kecil, dapat dilihat hasil paparan Nor Aini Hj. Idris (1996). Dalam kes ini, Fatimah binti Awang seorang janda berada dalam kemiskinan, dalam mencari nafkah yang halal, untuk

menanggung orang-orang di bawah tanggungannya, melalui kegiatan menjaja (peniaga kecil) di pasar. Hasil daripada kegiatan menjaja, beliau memperolehi pendapatan bersih lebih kurang RM 160.00 sebulan. Pendapatan seperti ini menunjukkan bahawa jauh berada di bawah pendapatan garis kemiskinan. Begitu juga penemuan kajian-kajian kes dalam sektor informal yang lain, banyak memaparkan dimensi kemiskinan di kalangan mereka dan berbagai-bagai pendapat serta cadangan diutarakan untuk membantu dan mengatasinya.

Bagi penjaja-penjaja di Kuala Lumpur, melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa keadaan sosioekonomi mereka tidaklah seburuk yang digambarkan oleh sesetengah pihak. Kajian ini memaparkan bahawa penjaja di Kuala Lumpur berpendapatan lumayan dan ini agak berlawanan dengan kajian di tempat-tempat lain. Di kalangan responden, didapati kesemuanya memperolehi pendapatan bersih di atas garis pendapatan kemiskinan. Malah hampir 60 peratus responden memperolehi pendapatan bersih lebih kurang RM 3,000.00 sebulan. Jumlah pendapatan seperti ini boleh dianggap tinggi, jika dibanding dengan tingkat pelajaran dan kemahiran mereka. Begitu juga jika dibandingkan dengan upah yang diperolehi oleh pekerja-pekerja sektor formal yang lain yang setaraf tingkat pelajaran dan kemahiran dengan penjaja. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika terdapat individu yang meninggalkan pekerjaan di sektor formal, semata-mata untuk bergiat cergas sebagai penjaja.

Bagi penjaja yang menjaja secara sampingan, pendapatan tambahan yang mereka perolehi, dapat menampung pendapatan tetap mereka dari

pekerjaan utama, dan ini memberi peluang kepada mereka untuk meningkat taraf sosioekonomi keluarga. Dengan pendapatan lumayan yang diperolehi oleh penjaja, mereka dapat pula mengumpul kekayaan, seperti memiliki kenderaan, rumah, kelengkapan rumah dan sebagainya. Jadi, sebagai rumusannya, penjaja-penjaja di Kuala Lumpur yang telah lama menjaya berpendapatan tinggi dan mereka tidak miskin. Mungkin yang miskin itu adalah mereka yang baru menjaya dan sebelum ini mereka berada dalam kemiskinan. Manakala melakukan kegiatan menjaya adalah untuk mengatasi masalah kemiskinan.

#### **6.2.11 Beberapa Implikasi Negatif Dalam Penjajaan**

Kegiatan menjaya yang berlangsung di Kuala Lumpur, menimbulkan beberapa implikasi negatif yang akan diperbincangkan seperti :

a. **Penjaja Mencacat Keindahan Dan Kebersihan Kuala Lumpur**

Kuala Lumpur yang sedang berkembang dengan pembangunan fizikal, kelihatan indah dan menarik dengan bangunan yang cantik, sistem pengangkutan yang canggih, pokok-pokok dan bunga-bungaan di tepi jalan, hiasan-hiasan di jalanan dan sebagainya dicacatkan dengan gerai-gerai penjaja yang lusuh, buruk dan kotor. Suasana dan keindahan Kuala Lumpur, tercemar dengan penjaja-penjaja yang menjaya dengan membina struktur gerai yang tidak sesuai. Didapati gerai dibina dengan saiz yang besar,

tanpa kawalan dan terdapat juga gerai dibina dengan bahan-bahan buangan. Keadaan seperti ini, memberi imej yang tidak baik, kepada pelancong yang berkunjung ke Kuala Lumpur, terutamanya gerai-gerai penjaja jalanan yang terdapat di pusat bandar.

**b. Penjaja Tidak Mengamalkan Kebersihan**

Sebagaimana yang diperkatakan sebelum ini, penjaja di Kuala Lumpur terdiri daripada berbagai-bagai latar belakang. Mereka juga berpendidikan rendah dan menjalankan kegiatan menjaja, semata-mata untuk mencari pendapatan, tanpa memperhitungkan tanggungjawab sosial mereka kepada penghuni bandar yang lain. Dalam keghairahan mengejar keuntungan sebanyak mungkin, aspek kebersihan dilupakan, sama ada keberihan diri, keberihan gerai atau tempat menjaja dan kebersihan barang yang dijaja. Dalam aspek penjaja tidak mengamalkan kebersihan, dapat dilihat di kalangan responden, yang mana didapati 57.4 peratus responden, kebersihan diri mereka tidak memuaskan. Begitu juga dengan keadaan gerai, tempat memasak, peralatan menjaja dan longkang yang berhampiran, menunjukkan peratusan yang agak tinggi berada dalam keadaan tidak bersih dan kotor.

Kekotoran akibat penjaja tidak menjaga kebersihan menyebabkan tikus, lipas, lalat dan bakteria penyebar penyakit membiak dan mengancam kesihatan penghuni bandar yang lain. Dalam pada itu, kebersihan dan keindahan bandar juga turut tercemar akibat kegiatan penjaja yang tidak menjaga kebersihan. Misalnya, penjaja yang menjaja makanan bermasak, didapati sisa makanan dibuang di atas jalan dan dalam longkang, sampah sarap dibuang ke dalam longkang dan sungai yang berhampiran. Begitu juga mengenai barang yang dijaja, sikap kurang prihatin penjaja terhadap kebersihan barang yang dijaja, boleh menjadi punca penyakit taun merebak. Misalnya, apabila berlaku wabak taun di Kuala Lumpur, maka puncanya dikenal pasti daripada makanan yang dijual di gerai penjaja. Manakala banyak pihak bersetuju bahawa tahap pencemaran makanan yang dijual oleh penjaja adalah tinggi. Lampiran 16 adalah beberapa keratan akhbar mengenai wabak taun yang dikatakan berpunca dari gerai penjaja yang kotor.

**c. Penjaja Tidak Mematuhi Peraturan Menjaja Yang Ditetapkan Oleh DBKL**

DBKL melalui beberapa undang-undang kecil dan peraturan-peraturan semasa, menetapkan beberapa syarat kepada penjaja dan orang ramai yang ingin melibatkan diri

dengan kegiatan menjaja. Di Kuala Lumpur, bagi menjalankan kegiatan menjaja, pertama-tama sekali hendaklah mendapat lesen atau kebenaran daripada DBKL. Lesen dikeluarkan setelah syarat-syarat tertentu dipenuhi oleh pemohon. Ramai di kalangan penjaja, menjaja tanpa lesen atau dipanggil ‘penjaja haram’. Mereka tetap menjaja walaupun tanpa lesen dan sanggup berdepan dengan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh DBKL. Notis kesalahan atau kompaun dijelaskan dan mereka terus menjaja. Sehingga kini, dianggarkan lebih kurang 6.000 orang ‘penjaja haram’ terdapat di Kuala Lumpur. Ianya bukan sahaja diusahakan oleh penduduk tempatan, tetapi juga oleh warga asing.

Manakala penjaja-penjaja berlesen pula, sama ada yang menjaja di pusat-pusat menjaja yang dikhaskan atau penjaja jalanan, didapati sebilangan besar tidak mematuhi syarat menjaja yang ditetapkan. Mereka tidak mengamalkan kebersihan, membina gerai dengan keluasan yang lebih daripada yang dibenarkan, melantik pembantu gerai warga asing, menghalang lalu lintas dan pejalan kaki dan sebagainya. Dalam pada itu, didapati juga penjaja mengambil keuntungan mudah dan singkat melalui menyewakan gerai dan lesen mereka kepada orang lain,

malah kepada warga negara asing. Sikap dan amalan penjaja seperti ini, banyak dilaporkan oleh media massa dan aduan awam yang diterima oleh pihak DBKL. Atas sebab-sebab teknikal, masalah ini agak sukar untuk diatasi, melainkan kesedaran yang timbul di kalangan penjaja itu sendiri.

**d. Penjaja Menipu**

Kegiatan penjajaan tidak dapat lari daripada penipuan. Berbagai bentuk dan kaedah penipuan dilakukan oleh penjaja, untuk menipu pelanggan dan juga pihak berkuasa. Pihak berkuasa terutamanya DBKL sering ditipu oleh penjaja melalui taktik tertentu, apabila aktiviti mereka dikesan oleh DBKL, untuk melepaskan diri daripada diambil tindakan. Misalnya, penjaja yang menyewakan lesen kepada orang lain, sering berselindung di sebalik "pembantu gerai", sedangkan lesen dan gerai telah disewa atau dijual kepada orang lain yang dikatakan "pembantu gerai". Ini menyukarkan dan melambatkan sesuatu tindakan.

Begitu juga dengan pelanggan mereka, ramai yang ditipu oleh penjaja (lihat Lampiran 17). Misalnya, tidak ada tanda harga, kualiti barang yang rendah dan sebagainya. Dalam hal ini, sebenarnya bukan pelanggan

yang rugi untuk jangka masa panjang, sebaliknya penjaja akan kehilangan pelanggan tetap. Penipuan di kalangan penjaja hendaklah diambil tindakan yang wajar oleh pihak berkuasa, terutamanya melalui penguatkuasaan penetapan tanda harga, agar ianya tidak menimbulkan keresahan di kalangan warga kota, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar, kerana penjaja adalah saluran pasaran yang penting bagi mereka.

#### **6.2.12 Menjaja Sebagai Asas Melahirkan Usahawan.**

Penjaja adalah individu yang bekerja sendiri. Sebagai pekerja persendirian, mereka tidak terikat dengan peraturan-peraturan rasmi dan ketat, yang mengikat kegiatan mereka. Segala-galanya bergantung kepada usaha dan kecekalan mereka bekerja. Jika mereka rajin dan bekerja keras, maka mereka akan maju dengan memperolehi pendapatan yang tinggi. Dengan jumlah pendapatan yang tinggi, keadaan sosioekonomi keluarga akan meningkat dan dapat pula menjalani kehidupan bandar dengan selesa. Kehidupan bandar pula penuh cabaran dan hanya individu bandar yang sanggup mengharungi cabaran sahaja, akan wujud sebagai warga bandar yang berjaya, terutamanya dalam aspek sosioekonomi.

Bagi penjaja-penjaja di Kuala Lumpur, diadapati mereka bekerja keras untuk mencapai taraf sosioekonomi keluarga yang baik. Mereka bekerja tanpa menghitung penat dan lelah, untuk mencari kekayaan sebanyak yang boleh.

Ekonomi bandar diteroka sebaik mungkin. Cabaran dan halangan dalam kepenjajaan dapat diharungi dengan satu tekad mahu maju dan berjaya, sesuai dengan taraf pelajaran dan kemahiran yang mereka ada. Oleh itu, dengan kegiatan menjaja, ramai di kalangan penjaja telah mencapai taraf soisoekonomi yang baik. Misalnya, seorang responden memaklumkan bahawa hasil menjaja, beliau telah dapat membiayai pelajaran dua orang anaknya di Universiti, dapat membeli sebuah rumah teres kos sederhana dan telah dua kali beliau suami isteri mengerjakan haji di Makkah.

Dalam pada itu, responden lain pula iaitu Encik Mustafa bin Harun yang menjaja di kawasan Parlimen Bandar Tun Razak (menjaja makanan yang dimasak di gerai) jelas lahir sebagai seorang usahawan. Di samping menjaja di tepi jalan, Encik Mustafa kini membuka dua buah kedai makan, sebuah di Bandar Tun Razak Kuala Lumpur dan sebuah lagi di Kajang Selangor. Modal permulaan dan modal pusingan untuk membuka kedai makan berkenaan adalah hasil kegiatan menjaja yang dilakukan sejak tujuh tahun yang lalu. Kehidupan sosial Encik Mustafa agak selesa, sebagai seorang usahawan. Dalam kes lain, seorang responden iaitu Encik Muhamad bin Isa yang menjaja satay di Bangsar, iaitu kawasan Parlimen Lembah Pantai juga sebagai seorang penjaja yang berjaya. Kini beliau muncul sebagai seorang usahawan, setelah lebih daripada lima tahun berkecimpung dalam bidang penjajaan. Pada peringkat awal menjaja, sambutan orang ramai tidak begitu menggalakkan, tetapi setelah membuat sedikit perubahan terhadap resipi satay yang dijaja, didapati sambutan daripada pelanggan amat memuaskan. Kini, beliau

mempunyai tiga orang pekerja untuk membantu penjajaan beliau. Satay Encik Muhamad dikenali ramai dan banyak tempahan diterima daripada orang ramai untuk sesuatu majlis. Malah Encik Muhamad juga membekalkan satay beliau ke hotel-hotel dan restoran. Kini, Encik Muhamad sedang berusaha untuk membentuk penjajaan berkoncepcian "francais" pada satay keluarannya

Banyak di kalangan usahawan yang berjaya kini, asalnya mereka merupakan peniaga kecil atau pengusaha sektor informal. Manakala apa yang telah dipaparkan, jelas menunjukkan kepada kita bahawa penjaja adalah asas untuk menjadi seorang usahawan. Oleh yang demikian, melalui kegiatan menjaja, selok-belok perniagaan dipelajari dan modal dapat dikumpul. Dengan ini, kegiatan menjaja adalah penting dan ianya patut digalakkan, terutamanya di kalangan orang-orang Melayu, agar suatu masa mereka lahir sebagai seorang usahawan atau ahli perniagaan yang berjaya.

#### **6.2.13 Penjaja Jalanan Dalam Dilema**

Penjaja di jalanan adalah di antara kelompok dan kategori penjaja yang terdapat di Kuala Lumpur. Sama ada menjaja secara bergerak atau statik di jalanan, kumpulan penjaja ini merangkumi peratusan yang tinggi di kalangan penjaja yang ada. Mereka menjaja berbagai jenis barang, sama ada makanan ataupun bukan makanan. Penjaja jalanan yang paling popular ialah yang menjaja makanan siap dimasak dan makanan yang dimasak di gerai. Di setiap jalan, lorong dan kawasan lapang di Kuala Lumpur, boleh didapati

penjaja ini dan ada yang menjaja dengan saiz gerai yang kecil dan ada juga saiz gerainya besar.

Dikatakan kumpulan penjaja ini berada dalam dilema, kerana bentuk penjajaan mereka tidak dapat bertahan lama. Mereka boleh menjaja selagi pihak berkuasa membenarkan mereka menjaja di lokasi berkenaan. Mereka sering berdepan dengan tindakan penguatkuasaan pihak DBKL, terutamanya mengenai kebersihan. Sebahagian besar responden memaklumkan bahawa notis kesalahan dan kompaun yang dikeluarkan kepada mereka adalah lumrah. Kadang-kadang setiap minggu mendapat kompaun. Demi mencari nafkah yang halal, segala saman dan kompaun terpaksa dibayar, bagi mengelakkan tindakan susulan seperti gerai disita atau lesen ditamatkan. Rata-rata responden bersedia untuk tindakan ini dan bagi mereka telah menjadi asam garam dalam menjaja di Kuala Lumpur.

Penjaja jalanan dalam dilema, kerana bila-bila masa sahaja gerai mereka akan diroboh oleh pihak DBKL, terutamanya apabila sesuatu lokasi itu hendak dimajukan, seperti pembinaan bangunan, pembesaran jalan dan longkang ataupun pembangunan bandar. Tahun 1997, sejumlah 758 gerai penjaja jalanan telah dipindahkan dan tahun 1998 sebanyak 276 gerai telah dipindah oleh pihak DBKL (lihat Lampiran 12). Apabila lesen menjaja mereka ditamatkan, maka mereka tidak boleh menjaja lagi dan ada di antara penjaja terpaksa mencari pekerjaan lain bagi meneruskan penghidupan di bandar.

Begitu juga penjaja jalanan yang menjaja dalam bentuk pasar malam. Mereka juga menghadapi masalah yang sama. Apabila keadaan pasar malam

menimbulkan kacau ganggu, terutamanya dari segi lalu lintas dan kebersihan, pihak DBKL akan menutup pasar malam berkenaan. Sepanjang tahun 1977 dan tahun 1988, sebanyak lapan tapak pasar malam telah ditutup atas sebab-sebab seperti yang dinyatakan. Dalam pada itu, penjaja jalanan di pasar malam juga berdepan dengan keadaan cuaca. Apabila hari hujan, mereka tidak dapat menjaja dan barang yang telah disediakan untuk dijaja terutamanya makanan, akan rosak dan mereka akan menanggung kerugian pada hari berkenaan. Inilah dilema yang dihadapi oleh penjaja jalanan dan selagi mereka masih menjadi penjaja jalanan, selama itulah mereka berada dalam dilema, yang mana kegiatan mereka tidak dapat dijamin boleh berkekalan.

#### **6.2.14 Kelemahan Pentadbiran DBKL Dalam Menguruskan Hal Ehwal Penjaja.**

DBKL melalui Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, ternyata terdapat beberapa kelemahan dari segi menguruskan penjaja di Kuala Lumpur. Implikasinya, warga kota dan para penjaja keliru dan tidak faham dengan jelas dasar-dasar dan matlamat DBKL. Salah faham dan kurang penyebaran maklumat, menyebabkan bidang kepenjajaan diambil peluang oleh sesetengah pihak untuk kepentingan peribadi. Kelemahan pentadbiran DBKL dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti berikut:

##### **a. Pengurusan Tidak Cekap**

Mentadbir penjaja bukanlah perkara mudah. Rata-rata penjaja mudah tersinggung dengan sesuatu tindakan yang dikenakan kepada mereka. Mudah salah faham dan tidak

dapat menerima dengan baik sesuatu perubahan dan peraturan yang bakal dilaksanakan. Ini kerana taraf pelajaran penjaja-penjaja adalah rendah, malah terdapat di kalangan mereka yang tidak mendapat pendidikan secara formal. Dalam pada itu, pihak pentadbir pula kurang kecekapan dari segi perhubungan awam dan diplomasi, untuk berurusan dengan golongan bawahan. Dengan ini, ketegangan dan konflik di antara kakitangan DBKL dengan penjaja sering terjadi yang membawa kepada penentangan di kalangan penjaja. Kelemahan pentadbiran DBKL dapat dikesan daripada maklumat yang dilaporkan oleh responden. Misalnya seorang responden di kawasan Parlimen Seputeh, memaklumkan bahawa beliau memohon untuk menukar nama lesen daripada ayahnya yang telah uzur kepada beliau mengambil masa hampir dua tahun. Itupun setelah puas beliau turun naik ke pejabat DBKL.

Dalam aspek lain pula, didapati pihak DBKL tidak menjalankan tugas sewajarnya, di mana aktiviti penjaja tidak dikawal secara rapi, sehingga muncul penjaja-penjaja tanpa lesen (penjaja haram) baik di kalangan warga tempatan ataupun warga asing. Tidak mengambil tindakan segera ke atas penjaja yang menyalahi peraturan dan lebih bertindak apabila terdapat aduan. Penjaja-penjaja yang menyewakan

lesen dan gerai kepada orang lain, tidak dapat dikesan dengan cepat dan kadang-kadang terdapat kakitangan DBKL bersekongkong dengan pihak penjaja. Pusat-pusat menjaja seperti pasar dan gerai yang dibina oleh pihak DBKL, didapati kurang diberi penyeliaan dari segi kemudahan asas dan kebersihan. Sesetengah pusat menjaja menjadi tempat kegiatan yang tidak sihat seperti samseng, pengedaran dan penagihan dadah (Lihat Lampiran 23). Selain daripada itu, data-data mengenai penjaja juga tidak kemaskini. Kajian dan penyelidikan tidak dibuat dan ini agak sukar untuk mendapat maklumat yang tepat, terutamanya apabila merancang untuk pembangunan para penjaja.

**b. Pertindihan Tugas Di Antara Jabatan Dalam DBKL.**

Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan mengurus dan mengendalikan hal-ehwal penjaja di Kuala Lumpur. Dalam hal ini, jabatan ini memikul tanggungjawab dari segi mengeluarkan lesen, menyewakan gerai dan mengawal aktiviti penjaja yang dilesenkan. Manakala masalah lain seperti menyediakan pusat-pusat penjaja diuruskan oleh Jabatan Perancang Ekonomi Dan Kemudahan Sosial, DBKL, mengawal pertumbuhan penjaja baru dibuat oleh Direktorat Penguatkuasaan, DBKL dan urusan mengawal mutu barang

terutamanya makanan diuruskan oleh Jabatan Kesihatan DBKL.

Berbagai-bagai jabatan yang terlibat mengenai kegiatan penjajaan, menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai, terutamanya apabila menghadapi sesuatu masalah untuk penyelesaian pihak DBKL. Di antara satu-satu jabatan itu kedudukannya berjauhan di antara satu sama lain dan ini akan menyusahkan orang ramai, kerana terpaksa melalui beberapa peringkat jabatan. Segala-galanya akan mudah jika hanya Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil sahaja yang mengendalikannya. Di sini, kecekapan akan wujud dan orang ramai senang untuk berurus. Mana-mana kakitangan yang bertanggungjawab terhadap penjaja yang berada di jabatan lain, boleh dipindahkan ke Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil dan segala tugas yang berkaitan boleh dibuat di Jabatan ini. Apa yang berlaku sekarang, masing-masing jabatan melepas tanggungjawab yang tidak diuruskan oleh jabatannya dan apabila wujud sesuatu masalah, masing-masing menuding jari di antara satu sama lain. Implikasinya penjaja dan penghuni bandar yang lain tidak dapat menikmati kecekapan perkhidmatan dan masalah tidak dapat diselesaikan sewajarnya.

### **c. Tidak Ada Dasar Yang Jelas Mengenai Penjaja**

Pelan Struktur Kuala Lumpur (1984) adalah satu kenyataan bertulis mengenai perancangan dan pengurusan bandar raya Kuala Lumpur. Daripada penelitian yang dibuat, pelan ini tidak memberi penekanan dan penjelasan yang jelas tentang penjaja. Sedangkan penjaja di Kuala Lumpur berperanan penting dari segi guna tenaga, pembangunan ekonomi dan khususnya melengkapkan sistem ekonomi Kuala Lumpur. Ianya hanya disentuh sepintas lalu, seolah-olah penjaja tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada pentadbiran dan penghuni bandar yang lain. Tidak ada dasar-dasar yang jelas dan bersepadu, demi untuk mambangunkan masyarakat penjaja.

Beginu juga kalau dilihat di peringkat nasional, juga tidak ada dasar yang jelas mengenai penjaja untuk dijadikan panduan dalam merancang dan membangunkan penjaja. Apa yang ada ialah dasar atau peraturan yang dibuat secara "ad hoc" apabila muncul sesuatu masalah yang berkaitan dengan penjaja. Dasar-dasar ini pula sentiasa berubah mengikut perkembangan politik semasa. Mengenai dasar kepenjajaan di Kuala Lumpur, didapati tidak ada satu dasar yang menyeluruh, melainkan beberapa peraturan yang digubal dalam bentuk undang-undang kecil, bagi tujuan untuk mengawal kegiatan

menjaja. Dasar-dasar yang dilaksanakan buat masa ini adalah secara "ad hoc" dan ini agak malang sekali kepada masyarakat penjaja yang turut memyumbang kepada pembangunan ekonomi bandar.

**d. Penyalah Gunaan Kuasa Di Kalangan Pentadbir Penjaja (Kakitangan DBKL)**

Kerenah birokrasi dalam agensi-agensi awam berlaku di mana-mana. Ini kerana wujudnya golongan atau individu yang tidak peka dengan kecekapan dalam pentadbiran. Cukup malang sekali kepada golongan berpendapatan rendah dan miskin yang mengharapkan pembelaan, apabila berlaku penyalah gunaan kuasa oleh individu-individu tertentu. Di kalangan pentadbir dan penyelia penjaja juga dapat dikesan wujudnya penyalah gunaan kuasa dan rasuah ( lihat Lampiran 24 ). Sebagaimana yang dilaporkan oleh akhbar seperti nama Lampiran 24, kakitangan Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL, disyaki terlibat dengan kegiatan rasuah untuk mendapatkan lesen menjaja dan ruang untuk menjaja. Laporan berkenaan juga memaklumkan bahawa kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini membabitkan pihak pentadbiran tertinggi jabatan berkenaan dan beberapa kakitangan bawahan yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit.

Pada penelitian pengkaji dalam soal ini, adalah berpunca daripada sikap tidak amanah dan tidak bertanggungjawab kakitangan berkenaan dengan mengambil peluang untuk kepertinggi diri pada golongan yang rendah taraf sosioekonomi mereka. Ramai di kalangan penjaja tidak faham dengan peraturan yang ditetapkan, terutamanya etnik Cina. Mereka tidak tahu membaca dan menulis dengan baik dalam bahasa Malaysia, sedangkan borang-borang tertentu dikehendaki ditulis dalam bahasa berkenaan. Ini memberi ruang kepada rasuah dan penipuan, terutamanya orang tengah yang mengambil kesempatan. Bagi golongan miskin, peluang mereka tertutup, kerana tidak mampu untuk merasuh dan akhirnya mereka akan terus berada dalam kemiskinan.

Jika diteliti secara mendalam, penjaja sanggup merasuh kakitangan yang berkaitan, walaupun dengan nilai yang tertinggi, semata-mata untuk mendapat ruang dan lesen menjaja kerana mereka akan mendapat keuntungan jangka panjang, sekiranya permohonan mereka berjaya. Dalam masa beberapa bulan sahaja, mereka akan mendapat balik sejumlah wang yang diberi sebagai rasuah, jika dapat menjaja di lokasi yang baik. Walau apapun, penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam kegiatan menjaja, hendaklah dipandang berat, kerana

individu yang terlibat dengannya sebagai punca mencari nafkah dan pendapatan tambahan, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan miskin bandar. Selain itu, pasar malam juga dapat dijadikan program sosial, yang mana keluarga dapat membeli belah secara selesa, tanpa perlu mengganggu tugas di pejabat.

Di Kuala Lumpur, pasar malam diwujudkan sebagai saluran pasaran, keranan di peringkat awal pembangunan Kuala Lumpur, sekitar tahun-tahun 1970-an, tidak banyak pasar-pasar harian atau pasar raya yang berhampiran dengan kawasan perumahan. Oleh itu, melalui pasar malam, sebahagian warga kota memperolehi barang dengan harga berpatutan. Kini kewujudan pasar malam telah menimbulkan banyak masalah kepada pentadbir bandar dan penghuni bandar yang lain. Harga yang ditawarkan tidaklah semurah sebagaimana yang difikirkan, malah kadang-kadang barang yang dijual, harganya lebih murah jika dibeli di pasar-pasar raya tertentu. Kualiti barangnya juga agak tidak bermutu dan sesetengah penjaja pasar malam menipu pelanggan. Kehadiran pasar malam banyak menimbulkan aduan awam seperti masalah kekotoran, kebisingan, gangguan lalu lintas dan sebagainya. Apa yang paling ketara mengenai isu pasar malam kini ialah menjadi tempat warga asing menjaja (lihat Lampiran 18).

Lantaran muncul berbagai-bagai masalah tentang pasar malam, DBKL kini tidak lagi membenarkan tapak pasar malam baru dibuka. Tapak-tapak yang ada dikawal rapi, agar tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai. Mana-mana pasar malam yang banyak mendatangkan masalah akan ditutup. Alasan

yang kuat pihak DBKL bertindak demikian, adalah untuk keselesaan bandar dan sekarang ini banyak saluran pasaran barang diadakan di kawasan-kawasan perumahan seperti pasar harian, pasar raya dan sebagainya. Walaupun sedikit sebanyak ianya menjelaskan peluang pekerjaan dan peluang menambah pendapatan golongan berpendapatan rendah dan miskin, tetapi mereka masih boleh menjaja diruang-ruang menjaja khas yang akan dibina oleh pihak DBKL dari masa ke semasa.

#### **6.2.16 Isu Mengenai Penjaja Haram Dan Penjaja Warga Asing**

Di Kuala Lumpur, untuk menjalankan kegiatan menjaja hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak DBKL. Individu yang dibenarkan menjaja di Kuala Lumpur diberi lesen. Walaupun begitu, dengan lesen yang diperolehi, ini tidak bermakna mereka boleh menjaja sesuka hati. Terdapat pula berbagai syarat ditetapkan dalam pengeluaran lesen berkenaan, yang mestilah dipatuhi oleh pemegang lesen. Apa yang penting dalam lesen berkenaan ialah ianya tidak boleh ditukar milik tanpa kebenaran DBKL. Penjaja dibenar menjaja di lokasi yang dibenarkan sahaja dan dibenarkan menjaja mengikut jangka masa yang dibenarkan. Manakala penjaja yang menjaja tanpa lesen, adalah menjaja tanpa kebenaran DBKL dan mereka dianggap "penjaja haram".

Sehingga kini, tidak ada maklumat yang jelas mengenai penjaja haram. Walau bagaimanpun, ianya dikesan dilakukan oleh penduduk-penduduk tempatan dan juga warga asing. Bagi penduduk tempatan, mereka menjaja secara haram kerana DBKL tidak meluluskan permohonan lesen mereka atas sebab-sebab

tertentu seperti tempat untuk menjaja yang dipohon tidak sesuai dan yang paling utama sekali ialah DBKL membekukan pengeluaran lesen penjaja jalanan semenjak tahun 1996, kerana ingin menyusun balik penjaja-penjaja jalanan yang ada. Terdapat juga kes di mana penjaja sengaja tidak memohon lesen daripada DBKL bagi mengelakkan daripada dikenakan apa-apa bayaran. Manakala tempat-tempat menjaja yang lain seperti pasar-pasar, gerai makanan yang disediakan oleh DBKL, lesen menjaja masih dikeluarkan selagi tempat-tempat berkenaan masih ada kekosongan. Isunya sekarang, penjaja lebih berminat menjaja di jalanan daripada menjaja di tempat atau lokasi yang disediakan. Menjaja di pasar atau pusat menjaja yang disediakan melibatkan bayaran sewa gerai, selain daripada bayaran lesen. Sedangkan menjaja di jalanan hanya perlu membayar lesen sahaja, itupun bayarannya sangat rendah (lebih kurang RM 25.00 sebulan)

Walaupun mereka tidak memperolehi lesen untuk menjaja di jalanan, mereka terus menjaja, dengan harapan mereka terlepas daripada tindakan penguatkuasaan oleh pihak DBKL. Jika disaman atau dikompaun, mereka sanggup membayarnya asalkan mereka boleh menjaja. Pernah berlaku, hari ini barang jajaan mereka dirampas oleh DBKL dan besoknya mereka menjaja lagi dan tidak serik-serik dengan tindakan oleh pihak berkuasa.

Penjaja haram ini biasanya menjaja secara bergerak dan secara sembuni-sembuni dan ianya boleh dikesan secara berleluasa di pusat-pusat bandar yang menjadi tempat tumpuan orang ramai. Tempat-tempat seperti ini, dilarang untuk menjaja, kerana menimbulkan gangguan awam, tetapi bagi

penjaja haram, inilah merupakan tempat yang paling diminati oleh mereka, kerana pasarannya agak baik. Oleh yang demikian, berdepan dengan penjaja haram bagaikan ‘menghalau ayam di lesung’, sekali halau, mereka akan lari dan jika ditinggalkan mereka akan datang kembali.

Manakala mengenai penjaja rakyat asing, yang paling ketara sekali ialah warga Indonesia, Filipina dan Bangladesh. Mereka melibatkan diri dalam bidang penjajaan secara sembunyi-sembunyi, kerana telah menjadi dasar kerajaan, tidak membenarkan keterlibatan warga asing dalam penjajaan. Kegiatan penjajaan di kalangan warga asing, memberi saingan yang hebat kepada penjaja tempatan. Ini kerana mereka tidak membayar apa-apa bayaran dan kadang-kadang kegiatan warga asing ini dilindungi oleh penjaja tempatan. Mereka bertindak sebagai pembantu gerai dan ada juga penjaja tempatan menyewakan lesen dan gerai mereka kepada warga asing, bagi mendapat keuntungan senang dan segera. Sebenarnya, tidak banyak maklumat yang ada mengenai kegiatan menjaja di kalangan warga asing, melainkan pihak media massa sering melaporkan isu ini. Manakala pihak DBKL pula memaklumkan bahawa ianya tidaklah seburuk seperti yang dilaporkan.

Sebenarnya, penglibatan warga asing dalam penjajaan tidaklah membimbangkan, manakala pihak DBKL sentiasa mengawal rapi untuk membanteras penjaja-penjaja asing ini. Pasar malam, yang konsep penjajaannya berpindah-pindah, amat digemari oleh warga asing untuk menjaja kerana kegiatannya agak sukar untuk dikesan. Mereka secara tiba-tiba boleh cabut lari, apabila mengetahui kegiatan mereka dikesan oleh pihak berkuasa.

Walau apapun, kegiatan penjaja asing hendaklah dibanteras, kerana ianya mengambil hak atau peluang yang dibuka kepada penduduk tempatan.

#### **6.2.17 Isu Mengenai Ceti Haram**

Ceti haram juga dikenali sebagai "Along" atau "Tai Long". Iaitu orang perseorangan atau berkumpulan yang bergiat menyediakan kemudahan pinjaman kewangan secara mudah, pada kadar bayaran balik dan tempoh yang ditetapkan oleh mereka. Kewujudan mereka pula tidak ramai yang diketahui umum dan hanya pihak tertentu sahaja tahu, terutamanya mereka yang pernah berurusan dengan ceti haram ini. Kegiatan ceti haram tidak sah dari segi perundangan dan kerana itu kegiatan ceti haram berjalan secara sembunyi-sembunyi.

Lazimnya, ceti haram adalah sebagai tempat orang-orang tertentu mengadu, bagi mendapatkan sumber kewangan dalam masa yang singkat dan dalam keadaan sangat memerlukan. Sasaran utama ceti haram ialah di kalangan penjaja kecil, pemandu teksi, pemandu bas dan individu-individu lain yang berpendapatan kecil dan memerlukan kewangan segara (lihat Lampiran 20). Walupun meminjam dengan ceti haram, risikonya tinggi, namun bagi mereka yang terdesak, soal risiko perkara kemudian. Ejen ceti haram ditugaskan mengutip bayaran harian atau bulanan daripada peniaga dan sesetengah ceti haram pula betindak kasar dengan mangsanya, jika gagal menjelaskan pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan. Walaupun kegiatan

mereka salah di sisi undang-undang, tetapi sukar dikesan atau dibanteras kerana ketiadaan bukti kukuh.

Ceti haram dikatakan begitu popular di kalangan penjaja-penjaja di Kuala Lumpur. Hakikat ini diakui oleh Yang Di Pertua Persatuan penjaja dan Peniaga Melayu Kecil Wilayah Persekutuan, Encik Baharim A. Razak. Penjaja dikatakan berbuat demikian, setelah mendakwa sukar mendapatkan pinjaman daripada bank ataupun intitutsi kewangan berlesen. Sementara itu, Syarikat Jaminan Kredit (SJK) yang dilantik oleh kerajaan bagi menyediakan pinjaman kewangan kepada penjaja dan peniaga kecil tidak dapat memberi pinjaman dalam masa yang cepat, di samping menetapkan beberapa syarat kepada peminjam. Syarat-syarat yang agak ketat inilah yang meyusahkan para penjaja dan sebagai pilihan, penjaja memilih ceti haram. Hakikat ini diakui sendiri oleh kebanyakan responden, di mana didapati 9.6 peratus responden membuat pinjaman modal daripada ceti haram. Bagi mereka, berurusan dengan ceti haram lagi senang, kerana tidak banyak syarat yang ditetapkan dan tiada dokumentasi yang perlu dikemukakan untuk membuat pinjaman.

Dikenal pasti, di kalangan penjaja terdapat dua peringkat di mana kewangan (modal) diperlukan segera. Peringkat pertama, ialah modal permulaan. Iaitu ketika hendak mulakan penjajaan. Modal diperlukan untuk membeli peralatan untuk menjaja dan lain-lain keperluan seperti bayaran lesen, sewa gerai, membeli bahan-bahan untuk menjaja dan sebagainya. Peringkat kedua pula ialah untuk membesarakan penjajaan. Di mana modal tambahan diperlukan supaya kegiatan menjaja lebih cekap dan selesa. Jadi, sekiranya

syarikat kewangan tidak dapat memberi pinjaman ketika mana modal sangat-sangat diperlukan, maka penjaja akan memohon pinjaman daripada ceti haram. Menyedari bertapa pentingnya modal dalam penjajaan, maka disarankan agar pihak berkuasa memandang berat tentang permasalahan ini. Syarat-syarat meminjam dengan syarikat kewangan hendaklah dipermudahkan dan tabung untuk pinjaman kepada penjaja hendaklah dibesarkan, agar semua penjaja dapat faedah daripadanya. Tambahan pula, penjaja adalah golongan yang rendah taraf pelajaran, dengan peraturan yang ketat dan berbagai-bagai, mereka sukar untuk memahami. Di sini, persatuan penjaja hendaklah memainkan peranan, dalam membantu para penjaja, agar mereka mendapat maklumat yang jelas dan menerangkan saluran yang betul bagi mendapat pinjaman modal.

#### **6.2.18 Persatuan Penjaja Lemah**

Persatuan adalah merupakan satu pertubuhan ataupun satu institusi yang ditubuhkan untuk berbagai-bagai tujuan seperti tujuan politik, sosial, budaya dan agama. Melalui persatuan, sesuatu aktiviti itu ditojolkan, bagi mendapat bantuan, sokongan ataupun liputan. Berjuang di atas nama persatuan, lazimnya lebih mendapat simpati atau sokongan daripada berjuang atas nama perseorangan. Oleh yang demikian, di kalangan penjaja juga, persatuan ditubuhkan, yang tujuan utamanya adalah untuk menjaga kepentingan para penjaja, memupuk semangat kerjasama dan persaudaraan, di atas satu ikatan kepentingan bersama. Oleh yang demikian, setiap

kelompok/kategori penjaja yang terdapat di Kuala Lumpur, didapati ada persatuan masing-masing, mengikut tempat atau lokasi mereka menjaja. Misalnya, Persatuan Penjaja Jalan Jujur Bandar Tun Razak, Persatuan Penjaja Jalan Chow Kit, Persatuan Penjaja Pasar Pudu dan sebagainya. Kelompok-kelompok penjaja ini merupakan sub-komuniti bandar, kerana dapat dikesan ciri-ciri sebuah komuniti wujud di kalangan mereka.

Apa yang paling ketara dan menonjol di kalangan persatuan penjaja yang ada ialah ianya bercorak setempat dan mengikut etnik. Wujudnya persatuan hanya sekadar untuk berdepan dengan pihak DBKL agar kegiatan ahli-ahlinya tidak digugat. Mereka akan melindungi setiap ahli daripada tindakan yang hendak diambil oleh DBKL, walhal ahli-ahlinya terang-terang menyalahi peraturan menjaja yang ditetapkan oleh pihak DBKL. Di antara persatuan-persatuan yang ada juga, didapati tiada kerjasama dan mereka tidak bersefahaman di antara satu sama lain. Terdapat juga aduan bahawa pihak persatuan penjaja melindungi penjaja-penjaja tanpa lesen di kawasannya. Pihak persatuan sepatutnya bekerjasama dengan DBKL dengan melaporkan aktiviti penjaja yang menyalahi peraturan dan di kalangan ahlinya pula hendaklah diberi bimbingan serta tunjuk ajar, agar menjaja dalam penuh tanggungjawab sosial terhadap warga kota yang lain, terutamanya dari segi kebersihan tempat menjaja, kebersihan peralatan yang digunakan untuk menjaja, kebersihan barang yang dijaja dan keberishan diri.

Di antara persatuan-persatuan penjaja yang utama dan agak popular dan menjadi anggota Jawatankuasa Penasihat Penjaja di Jabatan Pengurusan

Penjaja dan Perniagaan Kecil DBKL, ialah Persatuan Penjaja dan Pekedai-Pekedai Bumiputra Wilayah Persekutuan, Persatuan Penjaja Kecil India Kuala Lumpur/Petaling Jaya, Persatuan Penjaja Cina Kuala Lumpur, Persatuan Penjaja dan Perniaga kecil Melayu Wilayah Persekutuan. Persatuan-persatuan ini sering berhubung dengan pihak DBKL untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ahli-ahlinya. Persatuan-persatuan ini jugalah sering diundang oleh pihak DBKL untuk membincangkan tentang polisi-polisi dan dasar semasa mengenai kepenjajaan di Kuala Lumpur. Ini kerana persatuan ini agak menyeluruh keahliannya. Walau bagaimanapun, persatuan ini jelas menunjukkan sikap mementingkan etnik dan sudah tentu perjuangannya lebih memehak kepada kaum berkenaan sahaja. Persatuan penjaja, sepatutnya memainkan peranan yang penting bagi menjamin masa depan penjaja. Pemimpin-pemimpin persatuan harus tampil ke depan bersama-sama DBKL dalam merancang polisi dan program untuk membaiki kaedah penjajaan yang ada kini ke arah yang lebih baik, agar penjaja-penjaja tidak terhapus oleh arus pembangunan bandar. Mereka hendaklah memain peranan dari segi melatih penjaja melalui kursus, mengadakan program membersih dan mengindah kawasan dan sebagainya. Apa yang dilakukan kini ialah menagih simpati pegawai-pegawai DBKL agar memberi lesen menjaja atau menyewa gerai kepada individu-individu yang diperakuinya, seolah-olah itu sahaja tugas ketua atau pengerusi persatuan penjaja.

Apabila persatuan penjaja lemah dan tidak berfungsi seperti sepatutnya, maka sudah tentu tugas DBKL agak berat untuk mengawal penjaja yang ada

dalam jumlah yang ramai. Keadaan akan menjadi gawat apabila pihak persatuan sering menunding jari dan menyalahkan pihak DBKL terhadap satu-satu isu, sedangkan pihaknya tidak berbuat apa-apa. Malah kerap kali berlaku, di mana pihak persatuan menunjukkan penetangan dengan menghasut ahli-ahlinya supaya mogok atau menunjuk perasaan, bagi membantah langkah-langkah atau program DBKL. Ini kerana pemimpin persatuan itu sendiri tidak berkebolehan dan tidak layak menjadi pemimpin, disebabkan pengetahuan dan taraf pelajaran yang rendah. Mereka dilantik kerana agak popular dan mahu menjadi pemimpin kerana ada muslihat atau kepentingan peribadi. Implikasinya, tinggalah penjaja dengan kegiatan menjaja secara tradisi dan akhirnya mereka akan hilang ditelan oleh pembangunan bandar yang tidak berkesudahan.

#### **6.2.19 Dilema Penjaja Melayu**

Majoriti penjaja di Kuala Lumpur terdiri daripada kaum Cina. Pada peringkat awal, kaum Melayu dan India agak kurang. Selepas pelancaran DEB tahun 1971, bilangan penjaja Melayu dan India mula meningkat. Dalam masa yang sama bilangan penjaja Cina juga turut berkembang. Penjaja Melayu agak baru menerokai bidang kepenjajaan di Kuala Lumpur. Kebanyakan mereka terdiri daripada penghijrah dari desa yang menyahut seruan kerajaan di bawah DEB dan strategi serampang dua mata kerajaan. Walaupun bilangan penjaja Melayu jauh lebih rendah berbanding dengan bilangan penjaja Cina, namun pertambahan bilangannya dari tahun ke tahun memberi gambaran umum kepada kita, bahawa orang-orang Melayu telah mula menerokai bidang

perniagaan di negara ini, yang mana sebelum ini dikuasai oleh kaum Cina. Mereka bermula secara kecil-kecilan, dan suatu masa, diharapkan mereka lahir sebagai seorang usahawan yang berjaya.

Oleh kerana penjaja Melayu agak baru meneroka bidang penjajaan di Kuala Lumpur secara beramai-ramai, berbanding dengan kaum Cina, maka tidak boleh tidak kegiatan mereka agak terhad dan menghadapi persaingan yang hebat dengan kaum Cina. Lantaran kaum Melayu baru bertapak, mereka serba kekurangan secara umumnya. Mereka kalah dalam bersaing dengan penjaja Cina. Inilah dilema yang dihadapi oleh penjaja-penjaja Melayu di Kuala Lumpur. Walaupun ada penjaja Melayu berjaya sehingga menjadi seorang usahawan atau ahli perniagaan yang berjaya, tetapi bilangannya belum boleh dapat dibanggakan lagi.

Tempat-tempat penjajaan seperti Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang, Pasar Chow Kit (Jalan Raja Bot), Pasar Pudu dan lain-lain masih dimonopoli oleh penjaja-penjaja Cina. Bilangan penjaja Melayu di tempat-tempat ini amat sedikit. Itupun mereka sekadar menjaja di lokasi yang berhampiran dengan pusat-pusat menjaja berkenaan. Di Pasar Chow Kit, masih ada ruang yang dikhaskan untuk penjaja Melayu di bahagian bangunan utamanya, tetapi tidak mendapat sambutan. Begitu juga keadaannya di Pasar Pudu, Pasar Air Panas, Pasar Taman Cheras dan lain-lain. Ruang yang dikhaskan untuk penjaja Melayu masih kosong. Ini kerana penjaja-penjaja Melayu masih tidak mahu untuk bersaing dengan penjaja Cina. Mereka sekadar menjaja di sekitar bangunan pasar berkenaan sebagai mengambil

peluang pasaran daripada orang ramai yang berkunjung. Oleh sebab itu, di pasar-pasar, didapati menjaja ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan, dimonopoli oleh kaum Cina, kerana penjaja Melayu akan kalah bila mana bersaing dengan penjaja-penjaja Cina yang agak awal menjaja disesuatu lokasi itu. Begitu juga keadaannya di Pasar Borong Kuala Lumpur. Walaupun terdapat lot-lot penjaja Melayu, tetapi mereka tidak menjaja, melainkan disewakkannya kepada penjaja Cina. Terdapat beberapa faktor keadaan ini berlaku, manakala faktor yang paling utama adalah penjaja Melayu kurang daya saing, kurang pengalaman dan modal yang terhad.

Penjaja Melayu di Kuala Lumpur lebih tertumpu di jalanan dengan menjaja makanan yang siap dimasak atau dimasak di gerai. Rata-rata mereka menjaja secara kecil-kecilan seperti menjual nasi lemak, kuih-muih, makanan ringan, minuman dan sebagainya. Modal yang digunakan untuk penjajaan seperti ini adalah kecil dan sudah tentu keuntungan yang diperolehi juga agak kecil. Rata-rata penjaja Melayu, terutamanya yang baru menceburi penjajaan kurang modal. Mereka tidak mampu untuk membayar sewa gerai yang mahal seperti gerai-gerai untuk menjaja yang terdapat di pusat-pusat membeli belah. Begitu juga dengan pusat-pusat menjaja yang dibina oleh pihak swasta seperti yang terdapat dalam bangunan-bangunan tinggi. Bayaran sewa di antara RM500.00 hingga RM2,000.00 sebuah agak mahal bagi penjaja-penjaja Melayu, sedangkan jika mereka menjaja di tepi-tepi jalan, hanya bayaran lesen sahaja yang perlu dibayar iaitu lebih kurang RM25.00 sebulan.

Menjaja secara statik di tepi jalan, menjadi kegemaran penjaja-penjaja Melayu. Sedangkan bentuk penjajaan seperti ini tidak dapat dijamin boleh bertahan lama. Mereka boleh menjaja selagi pihak DBKL tidak ada projek pembangunan di lokasi berkenaan. Apabila tempat ini hendak dimajukan ataupun terpaksa memindahkan penjaja atas sebab-sebab kebersihan dan kecantikan bandar, maka besar kemungkinan penjaja-penjaja Melayu berkenaan tidak menjaja lagi, kerana tidak ada tempat yang sesuai. Sebagai contoh, apabila penjaja-penjaja jalanan di Jalan Binjai diminta berpindah pada tahun 1996, kerana projek pembesaran jalan, kini didapati sebahagian daripada penjaja yang terlibat tidak menjaja lagi. Ada yang bekerja sebagai pemandu teksi, pemandu bas dan ada pula yang bekerja di kilang, bagi mencari pendapatan gantian akibat tidak dapat menjaja lagi. Sebenarnya banyak kes-kes seperti ini di kalangan penjaja Melayu, sehingga ada yang pulang ke desa bagi meneruskan penghidupan desa setelah mata pencarian mereka sebagai penjaja di bandar hilang. Inilah di antara dilema penjaja Melayu dan jika gejala ini tidak diatasi segera oleh pihak berkuasa, lama kelamaan penjaja Melayu di Kuala Lumpur akan berkurangan bilangannya. Implikasinya ialah matlamat untuk meningkatkan bilangan orang Melayu dalam lapangan perniagaan di bandar akan tergendala kerana perniagaan orang Melayu bermula dari kecil-kecilan seperti sebagai penjaja.

### **6.2.20 Politik Dalam Penjajaan**

Azizah Kasim (1985) telah memperkatakan tentang politik dalam persetingganan dan Mohd Razali Agus (1986) pula mendedahkan tentang politik dalam perumahan. Mengenai persetingganan, hubungan politik dengan kemunculan setinggan adalah merupakan hubungan timbal balik. Di mana kedua-dua pihak saling perlu dan memerlukan. Tokoh-tokoh politik memerlukan sokongan daripada setinggan untuk berjaya dalam politiknya, manakala setinggan pula memerlukan politik sebagai tempat berlindung dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh setinggan. Begitu juga dalam aspek perumahan, di mana hubungan dengan politik begitu ketara sekali sehingga dalam pemilihan pembeli atau penghuni, diwujudkan kuota politik. Tokoh-tokoh politik juga berperanan dalam menentukan pemilikan rumah. Hubungan politik yang wujud sama ada dalam persetingganan ataupun perumahan yang paling ketara ialah politik pemerintah, kerana politik pemerintah di negara ini boleh mempengaruhi dasar dan keputusan pentadbiran awam.

Dalam aspek kepenjajaan di Kuala Lumpur, politik dan penjaja tidak dapat dipisahkan, sebagaimana juga politik dalam persetingganan dan perumahan. Jika di luar bandar, tokoh-tokoh politik mengharapkan sokongan di peringkat rendah seperti sokongan daripada petani dan nelayan, manakala di Kuala Lumpur, setinggan dan penjaja adalah sokongan di peringkat rendah yang diharapkan oleh tokoh-tokoh politik. Kadang-kadang ketua persatuan penjaja terdiri daripada tokoh politik, sama ada di peringkat cawangan ataupun

bahagian. Oleh itu, pengaruh politik adalah penting dalam penjajaan di Kuala Lumpur sehingga boleh mengubah sesuatu dasar atau peraturan (lihat Lampiran 22).

Peranan politik dalam penjajaan, dapat dilihat dalam beberapa aspek. Misalnya, tokoh politik dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perlesenan Penjaja di Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL. Dengan ini, sudah tentu sebarang keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini dipengaruhi oleh pembawaan politik oleh tokoh berkenaan. Dalam kes lain, DBKL bercadang untuk menyusun semula penjaja di Jalan Petaling pada tahun 1994. Tetapi cadangan ini ditentang oleh parti politik sehingga pihak kerajaan mengarahkan DBKL menangguhkan program berkenaan. Selain daripada itu, apabila ada masalah yang dihadapi oleh penjaja, terdapat juga di kalangan penjaja yang merujuk permasalahan mereka kepada tokoh-tokoh politik tertentu dan tokoh politik berkenaan bertindak mengeluarkan surat sokongan ataupun perakuan dan ada juga yang terus mengunjungi pejabat DBKL untuk penyelesaian.

Terdapat juga parti politik menganjur pertumbuhan penjaja di jalanan dan penjaja pasar malam, tanpa mendapat kebenaran daripada DBKL. Lazimnya, papan tanda parti politik akan didirikan, bagi melindungi penjaja penjaja diambil tindakan oleh pihak DBKL. Dalam hal ini, ianya menimbulkan kesukaran oleh pihak DBKL untuk bertindak, kerana tokoh-tokoh politik berkenaan akan menggunakan segala saluran politik untuk mempertahankannya. Kadang-kadang tokoh politik ini mengambil kepentingan

peribadi daripada penjaja dan berselindung di sebalik parti politik. Daripada apa yang dipaparkan, jelaslah kepada kita bahawa politik dalam penjajaan di Kuala Lumpur adalah penting dan hubungannya agak sukar untuk dipisahkan.

#### **6.2.21 “Dualisme Ekonomi” Di Bandar Raya Kuala Lumpur**

Telah diperkatakan sebelum ini, bahawa pembangunan ekonomi bandar negara Dunia Ketiga, berlandaskan konsep “dualisme”, iaitu ekonomi sektor formal dan ekonomi sektor informal. Melalui dua sektor ekonomi ini, bandar negara Dunia Ketiga membangun mengikut pembangunan semasa. Bagi negara Dunia Ketiga, kedua-dua sektor ini sama-sama penting, kerana pembandaran yang berlaku, telah mengubah corak pekerjaan penduduk bandar kepada bidang perkhidmatan (peringkat ketiga), selain daripada bidang perdagangan dan perindustrian (peringkat kedua).

Mengenai ekonomi bandar raya Kuala Lumpur, ianya telah banyak berubah sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kini. Perindustrian dan perdagangan telah mengambil tempat sektor ekonomi peringkat pertama dalam pemodenan ekonomi bandar raya ini. Dasar-dasar kerajaan, yang menggalakkan pertumbuhan perindustrian dan perdagangan, menyebabkan dalam tempoh jangka masa yang singkat sahaja, Kuala Lumpur lahir sebagai pusat kegiatan ekonomi moden di sektor formal. Kemakmuran bandar raya Kuala Lumpur, menjadi tarikan kepada penduduk desa untuk datang meneroka peluang-peluang ekonomi bandar yang ada. Lantaran mereka tidak dapat memasuki sektor formal, kerana halangan-halangan kemasukan, mereka

mengusahakan kegiatan ekonomi sektor informal. Ternyata usaha mereka mendapat pulangan yang sewajarnya, melalui kegiatan ekonomi sektor informal, maka sektor ini diterokai secara meluas oleh penduduk bandar yang lain. Dianggarkan lebih daripada 30 peratus penduduk bandar raya Kuala Lumpur terlibat dengan kegiatan ekonomi sektor informal dan selebihnya adalah pengiat ekonomi sektor formal. Kajian ini, memaparkan betapa meluas dan penting ekonomi sektor informal di bandar raya Kuala Lumpur, walaupun sektor formal merupakan penyumbang utama dalam pembangunan ekonomi bandar raya ini. Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa "dualisme ekonomi bandar" bagi bandar raya Kuala Lumpur. Di mana ekonomi sektor formal, diusahakan oleh penduduk Kuala Lumpur yang mempunyai kemahiran dan keupayaan untuk menceburi sektor berkenaan. Manakala ekonomi sektor informal pula, secara umumnya diusahakan oleh mereka yang gagal untuk memasuki bidang kegiatan ekonomi sektor formal. Kedua-dua sektor ini mempunyai hubungan yang rapat dan saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain.

Kini, sektor ekonomi informal terus kekal di bandar raya Kuala Lumpur, ketika dikatakan ekonomi Malaysia dan ekonomi Kuala Lumpur khususnya sudah berubah maju. Terdapat berbagai-bagai faktor keadaan ini berlaku. Malaysia adalah negara yang sedang membangun dan buat masa ini ekonominya pesat berubah daripada ekonomi peringkat pertama kepada ekonomi perdagangan dan perindustrian. Dalam proses perubahan ini, sudah tentu menghadapi pelbagai masalah sosiobudaya, sosioekonomi dan

sosipolitik. Tambahan pula, rakyat berbagai kaum di negara ini memerlukan kestabilan politik yang kuat, sebagai asas kemajuan ekonomi. Pengasingan kaum dari segi geografi, bandar dan luar bandar, menyebabkan program penyusunan semula masyarakat, terutamanya masyarakat bandar yang lebih dominan dengan etnik Cina, memaksa diadakan program untuk menarik orang-orang Melayu yang tinggal di desa, agar menetap di bandar, terutamanya Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, kerajaan Malaysia mengadakan dasar yang agak terbuka di bandar, seperti melindungi petempatan setinggan dan membuka ruang untuk mengusahakan ekonomi sektor informal, supaya orang-orang Melayu yang digalakkan tinggal di bandar tadi mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan. Dalam konteks pekerjaan bandar, ternyata orang-orang Melayu tidak ramai yang mampu bekerja dalam sektor formal, kerana taraf kemahiran mereka masih rendah. Oleh itu, mereka terpaksa mengusahakan ekonomi sektor informal, kerana ianya senang diceburi. Misalnya bagi menjalankan kegiatan menjaja, tidak memerlukan syarat kemasukan yang sukar. Dengan ini, ekonomi sektor informal di bandar raya Kuala Lumpur dijangka akan terus kekal untuk masa-masa akan datang, kerana keperluan kepada kegiatan ekonomi ini masih ada, selagi masalah sosioekonomi bandar raya Kuala Lumpur tidak selesai. Justeru itu, pengekalan kegiatan ekonomi sektor informal di Kuala Lumpur masih relevan, kerana ekonomi sektor formal tidak dapat dijana sepenuhnya, tanpa ekonomi sektor informal.

## **Implikasi Dasar**

Dasar-dasar yang dibuat oleh pemerintah dan pihak DBKL melahirkan beberapa implikasi dalam bidang penjajaan, dan ianya akan diperbincangkan seperti :-

### **6.3.1 Dasar Ekonomi Baru (DEB)**

DEB dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia mulai tahun 1971. Dasar yang dikatakan serampang dua mata ini, bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dasar ini juga menekankan pembangunan perindustrian dan perdagangan, dengan menggalakan kaum bumiputra bergiat cergas dengan mengambil peluang-peluang ekonomi yang diwujudkan di bawah dasar ini. Penduduk desa terutamanya orang-orang Melayu yang sudah sekian lama berada dalam kemiskinan, beramai-ramai berhijrah ke Kuala Lumpur, untuk bekerja di sektor perkilangan dan perdagangan yang banyak wujud di sini. Tidak semua yang berhijrah diterima sebagai pekerja dalam sektor perindustrian dan perdagangan, kerana taraf pelajaran mereka yang rendah. Jadi, untuk terus tinggal di Kuala Lumpur, maka sebahagian daripada mereka melibatkan diri dalam sektor ekonomi informal seperti menjaja. Ini kerana untuk menjadi seorang penjaja, tidak memerlukan taraf pelajaran yang tinggi. Apa yang diperlukan ialah sedikit modal dan sedikit kemahiran.

Apa yang hendak ditekankan mengenai implikasi daripada pelaksanaan DEB dan hubungan dengan kepenjajaan, ialah bahawa bilangan penjaja di Kuala Lumpur berkembang dengan mendadak selepas DEB dilancarkan. Jika

sebelum DEB, bidang penjajaan lebih dominan dengan kaum Cina, tetapi ianya telah berubah selepas pelancaran DEB. Bilangan penjaja Melayu mula meningkat dan taraf sosioekonomi mereka turut berubah ke arah yang lebih baik, kerana mereka memperolehi pendapatan yang agak lumayan dengan kegiatan menjaja. Dengan adanya peluang pekerjaan dalam bidang kepenjajaan di Kuala Lumpur, maka penduduk Kuala Lumpur yang sebelum ini lebih dominan dengan kaum Cina telah berubah dengan bertambahnya penduduk Melayu yang berasal dari desa datang menetap di Kuala Lumpur. Sekiranya peluang pekerjaan sukar diperolehi, nescaya penduduk Melayu dari desa tidak datang untuk menetap di Kuala Lumpur.

DEB juga menggalakkan orang Melayu berniaga, supaya jurang pendapatan dan kemiskinan di antara kaum dapat dikurangkan. Orang-orang Melayu agak baru dalam dunia perniagaan, berbanding dengan kaum lain. Oleh itu, ianya hendaklah bermula secara kecil-kecilan, sambil mengumpul modal dan mencari pengalaman untuk menjadi seorang peniaga atau usahawan. Oleh yang demikian, bidang penjajaan sangat sesuai untuk dijadikan asas bagi melahirkan ahli perniagaan dan usahawan. Kesimpulannya, DEB cukup bermakna kepada orang-orang Melayu dan kerana DEB juga, orang-orang Melayu gigih meneroka ekonomi bandar, sesuai dengan taraf sosioekonomi mereka.

### **6.3.2 Dasar Terbuka DBKL Terhadap Penjaja.**

Secara umumnya, DBKL mengamalkan dasar yang tidak ketat dan terbuka kepada warga kota untuk menjaja di Kuala Lumpur. Ini kerana menjaja adalah sebagai sebahagian daripada peluang pekerjaan yang terdapat di Kuala Lumpur. Jika peluang ini disekat, ianya menimbulkan berbagai-bagai implikasi ke atas guna tenaga dan ekonomi, kerana Kuala Lumpur sendiri menghadapi tekanan pertambahan penduduk yang mendadak, akibat penghijrahan beramai-ramai penduduk dari desa. Dengan membuka peluang untuk menjaja, tekanan terhadap tenaga buruh dapat dikurangkan, kerana sebahagian daripada mereka boleh mencari nafkah melalui kegiatan sektor ekonomi informal seperti menjaja, terutamanya golongan yang rendah taraf sosioekonominya.

Menyedari hakikat ini, maka peluang-peluang untuk menjaja dibuka oleh DBKL. Pusat-pusat menjaja khas diadakan seperti pasar-pasar, gerai-gerai makanan, kiosk dan sebagainya. Dalam pada itu, DBKL juga mengeluarkan lesen untuk warga kota menjaja di jalanan, bagi menampung permintaan yang tinggi di kalangan individu yang berminat untuk menjaja. Ekoran daripada itu, bilangan penjaja bertambah dari masa ke semasa dan keadaan menjadi agak tidak terkawal akibat kegiatan penjaja. Gerai-gerai di tepi jalan diperbesarkan, tempat laluan awam seperti bahu jalan, lorong belakang bangunan, tepi jalan menjadi tempat penjaja menjaja, sehingga ianya banyak menimbulkan gangguan awam dan mencacatkan keindahan Kuala Lumpur.

Dasar terbuka DBKL juga, banyak membantu warga kota yang hilang pekerjaan di sektor formal dapat mencari pendapatan sebagai penjaja.

Misalnya, semasa negara mengalami kemelesetan ekonomi pada akhir tahun-tahun 1980-an dan kegawatan ekonomi pada akhir tahun-tahun 1990-an, penjajaan adalah merupakan harapan terakhir bagi mereka yang hilang pekerjaan untuk mencari pendapatan. Ada yang mengusahakannya secara tetap dan ada pula secara sampingan. Dalam pada itu, ada yang menjaja dengan mendapat lesen yang sah daripada DBKL dan sebahagiannya pula menjaja secara haram (tanpa lesen).

Dasar terbuka DBKL terhadap penjaja hendaklah diteruskan, bagi melengkapkan sistem ekonomi Kuala Lumpur. Ini kerana penduduk Kuala Lumpur terdiri daripada individu yang mempunyai berbagai-bagai latar belakang dan taraf sosioekonomi. Sebahagian daripada mereka, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah dan miskin, masih mengharapkan pendapatan daripada kegiatan menjaja. Walau bagaimanapun, aktiviti penjajaan yang sedang berlangsung kini perlu dikawal, agar ianya tidak menggugat kebersihan, keindahan dan keselesaan bandar raya Kuala Lumpur.

### **6.3.3 Dasar Membekukan Lesen Penjaja Jalanan**

Kehadiran penjaja-penjaja di jalanan agak tidak terkawal. Di samping penjaja berlesen, terdapat juga penjaja jalanan yang tidak berlesen (penjaja haram). Munculnya penjaja jalanan secara berleluasa adalah ekoran daripada dasar terbuka DBKL terhadap penjaja jalanan sebelum tahun 1996. Pada satu segi, DBKL menggalakan warga kota menjaja di jalanan, sebagai mengatasi tekanan pasaran buruh, manakala dalam aspek lain, DBKL rancak

mengindahkan bandar. Apa yang jelas kini, kebersihan dan keindahan bandar telah dicacat oleh gerai-gerai penjaja yang buruk, lusuh dan hodoh.

Menyedari bahawa banyak implikasi-implikasi negatif timbul akibat aktiviti penjaja-penjaja jalanan, maka mulai tahun 1996, DBKL membekukan pengeluaran lesen kepada orang ramai yang ingin menjaja di jalanan. Pembekukan ini bertujuan agar bilangan penjaja jalanan yang sedia ada tidak bertambah dan dalam masa yang sama penyusunan dan penempatan semula dibuat ke tempat-tempat yang sesuai. Implikasi daripada pembekuan lesen kepada penjaja jalanan, menyebabkan ramai penjaja-penjaja yang menjaja di jalanan tanpa lesen. Sedangkan mereka menjaja di tempat yang sesuai dan tidak menimbulkan gangguan awam. Bagi sesetengah warga kota, terutamanya di kalangan yang hilang pekerjaan dan golongan yang ingin menambah pendapatan keluarga, menjaja tetap dilakukan walaupun secara haram, janji mereka memperolehi pendapatan dan dengan pendapatan ini pula, sebahagiannya digunakan untuk membayar saman atau kompaun yang sering diberikan kepada mereka atas alasan menjaja tanpa lesen.

Dasar membekukan lesen ini juga menyebabkan timbul pula peluang penyalahgunaan kuasa di kalangan pentadbir penjaja. Wujud penipuan dan rasuah, di mana banyak aduan diterima di kalangan penjaja, mengenai tindakan tidak bertanggungjawab kakitangan DBKL sendiri, di mana mereka mengambil peluang untuk kepentingan diri di atas dasar DBKL membekukan lesen penjaja jalanan. Terdapat kes, di mana penjaja tanpa lesen dilindungi oleh kakitangan DBKL sendiri, dengan tidak mengambil tindakan terhadap

mereka dan sebagai ganjaran, bayaran tertentu diminta daripada penjaja tanpa lesen berkenaan.

Apapun, pembekuan lesen terhadap penjaja statik di jalanan, bukanlah satu dasar untuk menyekat orang ramai daripada menjaja di jalanan. Tetapi ianya diperkenalkan kerana DBKL ingin mengurangkan bilangan penjaja di jalanan secara statik, kerana kehadiran mereka lebih banyak membawa kesan negatif dari segi kebersihan dan keindahan bandar. Sejak pembekuan, bilangan penjaja jalanan berlesen tidak bertambah lagi.

#### **6.3.4 Dasar Membenarkan Pertukaran Nama Pelesen Dan Pemilik Gerai**

DBKL mengambil langkah membenarkan pemilik lesen menjaja dan gerai ditukar nama kepada orang lain, dengan syarat memohon secara rasmi dan diluluskan oleh DBKL. Dasar ini banyak menimbulkan implikasi yang tidak sihat, jika kelulusan pertukaran tidak diteliti dan dikawal dengan baik. Mungkin dasar ini sesuai untuk kes-kes tertentu sahaja, seperti kes kematian dan keuzuran. Manakala syaratnya pula hendaklah diperketatkan.

Apa yang berlaku kini, pertukaran nama lesen menjaja agak longgar dan tidak ada syarat-syarat asas sebagai panduan. Ada kes berlaku di mana lesen atau gerai dijual kepada penjaja lain dengan harga yang mahal dan dalam masa yang sama, penjaja berkenaan memohon untuk menukar nama kepada nama penjaja lain yang membeli lesen atau gerainya. Kadang-kadang, kakitangan DBKL sendiri mengambil peluang dalam urusan ini, melalui rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa. Oleh yang demikian, perlaksanaan dasar ini

hendaklah berhati-hati, agar peluang mencari keuntungan mudah dan singkat dapat dihindarkan, di samping lesen atau gerai kepunyaan penjaja Melayu tidak terlepas ke tangan kaum lain.

### **6.3.5 Dasar Penyewaan Gerai Dan Pemberian Lesen Kepada Penjaja Tanpa Tempoh**

DBKL membina pusat menjaja di tempat yang dikhaskan untuk penjaja-penjaja menjaja seperti pasar-pasar harian, gerai-gerai untuk menjaja makanan, kiosk dan sebagainya. Gerai-gerai di pusat menjaja ini pula disewakan kepada penjaja-penjaja dengan syarat-syarat penyewaan tertentu. Manakala bagi penjaja di jalanan pula, DBKL hanya mengeluarkan lesen sahaja, manakala gerai dibina sendiri oleh penjaja.

Apa yang jelas mengenai penyewaan gerai dan pemberian lesen oleh DBKL kepada penjaja adalah dengan syarat-syarat yang agak longgar. Paling ketara sekali ialah penyewaan lesen tanpa tempoh. Ini memberi implikasi yang kurang baik untuk jangka panjang. Gerai dan lesen seolah-olah menjadi hak mutlak penjaja sampai bila-bila. Walaupun DBKL ada hak untuk menamatkannya, tetapi agak sukar untuk menguatkuasakannya kerana akan berdepan dengan pelbagai masalah.

Setelah sekian lama menjaja, sudah tentu taraf sosioekonomi penjaja turut meningkat. Mereka bukan lagi golongan berpendapatan rendah dan miskin. Malah mereka dapat mengumpul kekayaan dengan keistimewaan yang mereka perolehi. Walhal mereka telah mampu berdikari, dengan mengusahakan perniagaan di tempat lain. Gerai sepatutnya diserah balik

kepada DBKL untuk diagihkan pula kepada orang lain yang memerlukannya. Tetapi, oleh kerana tidak ada tempoh tamat penyewaan, mereka masih memiliki gerai DBKL, sedangkan mereka juga telah memiliki perniagaan di tempat lain.

Penyewaan yang tiada tempoh juga membebankan DBKL, kerana terpaksa membina pusat menjaja yang baru, bagi menampung keperluan atau permintaan yang tinggi terhadap gerai untuk menjaja. Jadi, supaya pengagihan gerai yang lebih adil, penyewaan bertempoh adalah penting, sebagai satu kaedah mengatasi kekurangan gerai-gerai yang sesuai untuk menjaja. Bagi membina pusat menjaja yang baru bukanlah senang, kerana ianya melibatkan kewangan yang banyak dan lokasi yang sesuai.

Sementara itu, bagi penjaja jalanan, lesen yang diberi tanpa tempoh juga menimbulkan masalah kepada DBKL untuk jangka masa panjang. Sepanjang Jalan Petaling, Jalan Alor, Jalan Hj. Hussein dan sebagainya, didapati penjaja telah lama menjaja di lokasi berkenaan. Dengan lama menjaja, taraf sosioekonomi mereka telah agak baik, hasil daripada pendapatan yang lumayan. Kini penjaja-penjaja di lokasi ini banyak menimbulkan gangguan awam. Mereka tidak wajar dihalau begitu sahaja tanpa tempat ganti yang sesuai. Sekiranya mereka dibenar untuk menjaja selama tempoh tertentu sahaja (misalnya dua atau tiga tahun) nescaya kawasan berkenaan kini dapat dibebaskan daripada kegiatan penjajaan dengan agak mudah, kerana penjaja telah maklum sejak awal lagi, bahawa mereka dibenar menjaja untuk sekian lama sahaja. Kini, difahamkan bahawa DBKL

menghadapi masalah untuk membangun kawasan ini seperti pelebaran jalan dan longkang, kerana dihalang oleh penjaja-penjaja. Sebagai rumusan, dasar penyewaan gerai dan pemberian lesen menjaja secara bertempoh adalah wajar dilaksanakan. Manakala tempoh yang agak sesuai ialah dua tahun. Apabila tamat tempoh yang diberi, status sosioekonomi penjaja perlu dikaji dan jika didapati mereka telah mampu, ianya tidak dapat dipertimbangkan lagi. Bagi penjaja jalanan pula, apabila tamat tempoh yang dibenarkan, tapak hendaklah dikosongkan dan dengan ini program kebersihan dan pengindahan bandar dapat dilaksanakan tanpa ada halangan daripada penjaja.

#### **6.3.6 Dasar Mewajibkan Pemaju Swasta Menyediakan Pusat Menjaja**

Berlangsungnya penjaja-penjaja di jalanan, banyak menimbulkan implikasi negatif kepada kebersihan dan keindahan bandar. Imej Kuala Lumpur tercemar dengan kehadiran gerai-gerai penjaja, terutamanya kepada pelancong asing yang sering menziarahi bandar raya ini. Ternyata pihak DBKL tidak mampu untuk menyelesaikan masalah penjaja secara persendirian, tanpa bantuan pihak swasta. Manakala pihak swasta diminta bekerjasama dengan DBKL, bagi menempatkan semula penjaja-penjaja jalanan ke suatu tempat menjaja yang lebih sistematik dan moden, selaras dengan pembagunan fizikal bandar.

Bagi memenuhi inspirasi ini, DBKL menetapkan syarat kepada pemaju swasta dalam Perintah Pembagunan (D.O), yang dikeluarkan kepada pemaju swasta untuk memajukan sesuatu kawasan. Setiap bangunan tinggi yang

hendak dibangunkan, hendaklah disediakan "pusat menjaja" di tingkat tertentu supaya penjaja-penjaja jalanan yang ada di sekitar kawasan berkenaan, dapat ditempatkan di pusat menjaja yang akan dibina. Begitu juga dengan pembagunan kawasan perumahan atau pembagunan bercampuran, kawasan khas untuk penjaja hendaklah disediakan, dengan kos pembinaan ditanggung sendiri oleh pemaju.

Perlaksanaan dasar ini, kini telah lahir sejumlah 38 kawasan pusat menjaja yang dibina oleh pihak swasta dengan jumlah gerai sebanyak 488 unit, sehingga tahun 1998 (lihat Lampiran 7). Walaupun begitu, pusat menjaja ini masih dimiliki oleh pemaju dan pihak pemaju bertanggungjawab menyelenggara dan memungut sewa. Pihak DBKL hanya mengawal dari segi kadar sewa dan pemilihan penjaja. Diperhatikan bahawa dasar ini masih longgar syaratnya dan pihak tuan punya bangunan/ pemaju masih tidak akur dengan hasrat DBKL dalam konteks untuk membantu para penjaja. Misalnya, bagi bangunan tinggi, pusat menjaja ditempatkan di tingkat yang tidak sesuai dan tidak dapat menarik pelanggan seperti di tingkat yang tinggi atau bahagian-bahagian yang tidak menarik dari segi pemandangan. Kadar sewa juga tinggi dan ini membebankan penjaja, kerana menjaja dalam bangunan agak terhad dari segi masa dan pelanggan. Oleh yang demikian, banyak pusat-pusat menjaja dalam bangunan tidak mendapat sambutan dan akhirnya mati. Manakala penjaja pula akan menjaja di tepi jalan, sekitar bangunan berkenaan. Contoh-contoh pusat menjaja dalam bangunan yang tidak mendapat sambutan ialah seperti pusat menjaja di bangunan Wisma Tun Sambathan, Bangunan

May Bank, The Mall, Wisma Promet dan lain-lain. Di kalangan penjaja Melayu, amat kurang sekali minat untuk menjaja dalam bangunan dan mereka lebih gemar menjaja di jalanan. Apa yang penting di sini, didapati tiada tindakan tegas pihak DBKL untuk mengawal dari segi kadar sewa atau pertumbuhan penjaja baru di sekitar bangunan atau pusat menjaja ini. Keadaan ini menyebabkan pelanggan memberi tumpuan kepada penjaja di luar bangunan, kerana harga yang ditawarkan agak murah, disebabkan penjaja-penjaja ini tidak membayar apa-apa sewa dan kadang-kadang tidak berlesen.

#### **4 Implikasi Konseptual**

Beberapa konsep sebagaimana dibincang sebelum ini merupakan kerangka konseptual kajian ini. Oleh itu, beberapa implikasi tentangnya dibincangkan seperti:

##### **6.4.1 Konsep “Dualisme Ekonomi Bandar”**

Sebagaimana yang telah dibincangkan mengenai konsep “dualisme ekonomi bandar”, di mana konsep ini membahagikan kegiatan ekonomi bandar kepada dua kegiatan ekonomi, iaitu kegiatan ekonomi sektor formal dan kegiatan ekonomi sektor informal. Konsep “dualisme ekonomi bandar” diperkenalkan pada tahun 1960-an. Manakala pada awal 1970-an, konsep “dualisme ekonomi bandar” mula diberi penekanan, terutamanya di negara Dunia Ketiga. Penekanan kepada konsep ini adalah kerana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi bandar di negara Dunia Ketiga tidak didasari

sepenuhnya oleh perkembangan ekonomi perindustrian dan perdagangan dalam sektor formal tetapi sektor informal turut memainkan peranan.

Setelah lebih tiga dekad konsep "dualisme ekonomi bandar" ditekankan, ianya semakin dipinggirkan. Ini kerana pemodenan ekonomi bandar, terutamanya semakin berkembang luas ekonomi sektor formal di bandar, maka sektor informal mula diketepikan. Ekonomi sektor informal dianggap banyak menimbulkan masalah dan tidak dapat mengerakkan pembangunan ekonomi bandar. Tetapi apa yang berlaku di kebanyakan bandar Dunia Ketiga, ialah ekonomi sektor informal turut menyumbang dan berperanan dalam pembangunan ekonomi bandar. Misalnya, kajian ini memaparkan bahawa ekonomi bandar raya Kuala Lumpur dijana oleh ekonomi sektor formal dan ekonomi sektor informal dalam konsep "dualisme ekonomi bandar".

Bagi bandar raya Kuala Lumpur, kegiatan ekonomi sektor informal adalah penting dan ianya hendaklah menjadi agenda utama dalam strategi pembangunan bandar, terutamanya apabila menghadapi masalah kemiskinan bandar. Kajian ini, yang cuba mencari "dualisme ekonomi bandar", memaparkan bahawa betapa pentingnya sektor informal dalam arus ekonomi bandar raya Kuala Lumpur. Kegiatan menjaja yang agak popular dalam sektor ekonomi informal, merupakan peluang penduduk Kuala Lumpur meningkat taraf sosioekonomi. Sementara itu, tidak semua penduduk bandar yang miskin, terdiri daripada para pengiat ekonomi sektor informal, kerana kemiskinan bandar juga berlaku di kalangan mereka yang menceburি sektor formal. Oleh

itu, dari segi konseptual, kemiskinan bandar bukanlah merujuk kepada penggiat sektor ekonomi informal sahaja.

Pihak berkuasa hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya, untuk memajukan sektor informal, supaya kemiskinan bandar dapat dikurangkan, melalui penglibatan golongan berpendapatan rendah dalam sektor informal untuk mencari pendapatan tambahan. Dalam pada itu, konsep "dualisme ekonomi bandar" hendaklah sentiasa menjadi kerangka perancangan dan pentadbiran bandar, supaya para penggiatnya tidak tersisih, walaupun ekonomi bandar terus mengalami perubahan dan pemodenan. Ini kerana "dualisme ekonomi bandar" akan terus relevan untuk masa-masa mendatang, memandangkan sektor ekonomi formal dan sektor ekonomi informal saling memerlukan di antara satu sama lain. Hakikat ini dapat dilihat dalam realiti pembangunan bandar raya Kuala Lumpur kini. Kuala Lumpur megah dengan bangunan KLCC, yang dikatakan salah satu bangunan tertinggi di dunia, rangkaian LRT dan sebagainya yang menjadi asas penggerak ekonomi sektor formal. Namun, di celah-celah bangunan berkenaan muncul penggiat ekonomi sektor informal seperti penjaja, tukang kasut dan lain-lain. Adanya penggiat penggiat ekonomi sektor informal ini, adalah natijah daripada pembangunan ekonomi formal bandar raya ini sendiri, yang tidak boleh diabaikan oleh pihak berkuasa.

#### **6.4.2 Konsep Sektor Informal**

Sektor informal, ternyata penting dalam pembangunan ekonomi bandar. Oleh kerana konsepnya agak luas dan umum, maka tidak semua bentuk pekerjaan dalam sektor informal, boleh diusahakan dan menimbulkan implikasi yang baik. Ini kerana sektor informal itu sendiri terdiri daripada dua jenis. Pertama adalah sektor informal yang sah dan kedua ialah sektor informal yang tidak sah. Sama ada sah atau tidak sah, pendapatan boleh diperolehi daripada kegiatannya. Bagi sektor informal tidak sah, seperti mencuri, merompak, berjudi, pelacur dan sebagainya, adalah ditegah daripada melakukannya, walaupun pengiatnya memperolehi pendapatan. Ini kerana implikasi daripada kegiatan ini akan menimbulkan kacau ganggu dan ketidakharmonian sosial kepada orang lain.

Di bandar, kegiatan ekonomi informal tidaklah bebas sebagaimana konsepnya. Ia tidak dapat bergerak sendiri tanpa bantuan ekonomi formal. Kadang-kadang di antara dua sektor ini saling menguasai di antara satu sama lain. Banyak kajian-kajian yang menunjukkan ekonomi sektor informal bandar belum bebas daripada "kapitalisme". Walau bagaimanapun, peranannya dalam menggerak dan melengkapkan sistem ekonomi bandar tidak dapat dinafikan. Di bandar, sesetengah kegiatan ekonomi sektor informal dikawal, walaupun "konsep awamnya" bebas. Misalnya, kegiatan sebagai pemandu teksi dan penjaja, pengiatnya hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, agar pengiatnya tidak mengambil peluang untuk kepentingan diri dengan menafikan hak awam.

dipanggil sektor "informal kuasi". Jika dilihat pada definisi menjaja, ia membawa maksud satu kegiatan menjual barang secara bergerak dan satu temapt ke satu tempat yang lain untuk mencari pelanggan. Tetapi, dalam konteks bandar raya Kuala Lumpur, kegiatan menjaja tidak semesti penggiatnya bergerak. Ini sesuai dengan situasi dan persekitaran bandar raya Kuala Lumpur, yang mana para penjaja tidak perlu bergerak. Mereka boleh statik di sesuatu lokasi dan pelanggan yang mencari mereka.

## 5 Cadangan

Kajian ini telah merumuskan beberapa penemuan seperti mana yang telah iperbincangkan. Dalam pada itu, beberapa cadangan yang sangat berfaedah dan arus diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkaitan untuk memantapkan lagi egiatan penjajaan di negara ini. Cadangan-cadangan berkenaan akan iperbincangkan seperti :

### **6.5.1 Mengadakan Segera Dasar Penjajaan Di Peringkat Nasional Dan Negeri.**

Penjaja dan penjajaan telah diperakui penting dan berperanan dalam melengkapkan sistem ekonomi bandar. Oleh kerana kepenjajaan hanya memerlukan syarat kemasukan yang minima, ia juga merupakan harapan terakhir bagi setengah individu dalam mencari nafkah yang halal di bandar. Di Kuala Lumpur, penjajaan terbukti telah memberi peluang pekerjaan kepada sebahagian daripada penduduknya, dengan urus niaga yang tidak sedikit jumlahnya. Ada yang menjaja secara tetap dan merupakan pekerjaan utama

bagi mereka dan ada pula yang menjaja secara sampingan, untuk mencari pendapatan tambahan, bagi meningkat taraf sosioekonomi keluarga dan terhindar dari arus kemiskinan.

Kerajaan Malaysia mengiktiraf kegiatan dan sumbangan para penjaja di negara ini, dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan bantuan. Pengiktirafan ini disusuli dengan penetapan tarikh 18 November sebagai "Hari Penjaja" dan ianya disambut setiap tahun. Walaupun begitu, didapati kegiatan menjaja berdepan dengan berbagai-bagai masalah dan dilema, lantaran tidak ada satu dasar yang khusus mengenai penjaja, baik di peringkat nasional ataupun peringkat negeri / wilayah. Dasar penjajaan di peringkat pusat adalah penting untuk dijadikan asas dan panduan oleh setiap kerajaan negeri atau wilayah dan pihak berkuasa tempatan dalam merancang dan mentadbir para penjaja. Ia juga merupakan satu jaminan pihak kerajaan untuk memartabatkan bidang penjajaan sebagai sebahagian kegiatan ekonomi, terutamanya di bandar. Dengan adanya satu dasar yang lebih komprehensif dan bersepadu, dapat memajukan lagi kegiatan menjaja, selaras dengan pembangunan bandar dan pembangunan negara.

Apa yang berlaku kini, perancangan dan pembangunan terhadap penjaja dilakukan secara "ad hoc" dan ini banyak menimbulkan kesulitan kepada penjaja ataupun pihak perancang dan pentadbir bandar. Keperluan pada satu dasar yang bersepadu amat dirasakan bila mana memperkatakan tentang penjajaan di Kuala Lumpur. Amat malang sekali di kalangan penjaja di Kuala Lumpur kerana sehingga kini, DBKL tidak ada satu dasar yang menyeluruh

banyak membawa implikasi negatif. Misalnya, keindahan dan kerbersihan bandar menjadi cacat dengan gerai-gerai penjaja jalanan yang hodoh, buruk dan tidak senonoh sehingga sakit mata memandang.

Penjaja jalanan berselerak di pusat-pusat bandar dan di kawasan-kawasan perumahan dengan pembinaan gerai secara statik dengan saiz yang besar. Mereka merupakan individu yang tamak dan ingin mencari keuntungan serta kekayaan dalam masa yang singkat tanpa ada tanggungjawab sosial terhadap penghuni bandar yang lain. Kebersihan diabaikan, serta banyak menimbulkan gangguan awam. Keselesaan bandar agak tergugat dengan kehadiran penjaja jalanan. Oleh yang demikian, penjaja-penjaja jalanan hendaklah dipindahkan ke satu tempat yang lebih sesuai. Tujuannya bukanlah untuk menyekat peluang golongan berpendapatan rendah mencari pendapatan, tetapi mereka hendaklah mempunyai sikap tanggungjawab sosial. Mungkin kaedah penjajaan lain boleh diperkenalkan kepada penjaja jalanan, daripada menjaja secara statik dengan gerai yang besar ditukar agar mereka menjaja secara bergerak dengan kenderaan yang diubahsuai untuk kegunaan penjaja. Selepas waktu menjaja, mereka hendaklah mengosongkan tapak dan tidak boleh meninggalkan peralatan menjaja di lokasi berkenaan. Kaedah ini agak sesuai, manakala pihak DBKL hendaklah menyediakan kawasan atau tapak dan kawalan ketat hendaklah diadakan kepada penjaja-penjaja berkenaan. Walaupun kosnya agak tinggi kerana penjaja terpaksa membeli kenderaan, tetapi ianya boleh diatur dengan kerjasama syarikat-syarikat kewangan. Pihak

Kedudukan pasar ini, kini sudah tidak sesuai lagi. Bangunan-bangunan baru dan cantik di sekelilingnya dicacat oleh keadaan pasar seolah-olah tidak terurus ini. Bau busuk dan sampah sarap menimbulkan pelbagai implikasi yang tidak sihat, ditambah dengan kedudukannya di tengah-tengah pusat bandar. Oleh yang demikian, adalah disarankan agar kedua-dua pasar ini dipindahkan segera ke kawasan yang lebih sesuai, terutamanya ke pinggir bandar, seperti mana kedudukan Pasar Borong Kuala Lumpur yang agak jauh daripada pusat bandar. Manakala pasar baru yang bakal dibina nanti hendaklah berkonsepkan pasar moden dengan segala kemudahan dan kelengkapan dibekalkan.

#### **6.5.4 Memantapkan Persatuan Penjaja**

Memandangkan akan mustahak dan pentingnya persatuan penjaja sebagai satu saluran bagi pihak penjaja dan pentadbir penjaja untuk mengawal dan merancang bidang kepenjajaan, maka persatuan penjaja yang ada perlu disusun semula, supaya fungsi dan peranannya lebih jelas dan seluruh individu yang bergiat sebagai penjaja mendapat faedah darinya. Oleh kerana penjaja terdapat di setiap kawasan pihak berkuasa tempatan, dan permasalahannya adalah sama, maka telah sampai masanya diadakan persatuan penjaja peringkat kebangsaan, melalui penyatuan semua persatuan-persatuan yang ada dan dinamakan "Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia".

Dengan adanya persatuan induk seperti ini, semua penjaja yang ada bernaung di bawahnya tanpa mengira kaum, atau kawasan. Manakala di setiap negeri pula diadakan juga persatuan induk negeri dan di bawahnya

Lumpur juga menjadi tempat persinggahan pelancong dari timur ke barat atau selatan ke utara Semenanjung Malaysia. Ramai di kalangan pelancong, terutamanya mereka yang menyertai rombongan dengan bas, lebih suka singgah di pusat-pusat menjaja atau kompleks gerai makanan untuk menjamu selera, kerana ianya lebih mudah dan murah . Di sini, peranan penjaja adalah penting dari segi budi bahasa, penampilan diri, menjaga kebersihan dan sebagainya, agar ianya mencerminkan sikap rakyat Malaysia yang ramah tamah, khususnya penghuni bandar raya Kuala Lumpur.

Penjaja dan komuniti penjaja adalah sebahagian dari komuniti bandar yang lebih luas. Oleh itu, penjaja juga perlu memainkan tanggungjawab mereka terhadap komuniti bandar yang lain dan juga kehidupan bandar yang lebih luas. Peranan dan tanggungjawab mereka ini, haruslah ditekankan dalam semua interaksi badan-badan lain dengan penjaja. Peranan dan tanggungjawab ini termasuklah menjaga kebersihan, terutama bagi penjaja yang terlibat dengan penjualan makanan dan minuman. Tanggungjawab seperti ini meliputi banyak aspek seperti :

- i) Menjaga kebersihan barang yang dijual.
- ii) Menjaga kebersihan alat-alat yang bersabit dengan jualan.
- iii) Menjaga kebersihan diri dan pembantu-pembantu.
- iv) Menjaga kebersihan dan keindahan kawasan persekitaran jualan.
- v) Tidak menipu dan mengambil peluang terhadap pelanggan-pelanggan dan sebagainya.

Manakala tanggungjawab penjaja yang lain ialah menentukan bahawa dalam menjaga kepentingan mereka, kepentingan orang lain juga tidak terjejas. Misalnya kepentingan pengguna jalan raya seperti orang berjalan kaki atau mereka yang berkendaraan. Penjaja harus memastikan bahawa semasa menjalankan kegiatan menjaja, mereka tidak menjadi penyebab kepada kesesakan lalu lintas, keracunan makanan dan sebagainya. Apa yang berlaku sekarang, sikap dan tanggungjawab seperti ini masih belum ada pada kebanyakan penjaja di Kuala Lumpur dan telah dibincangkan terdapat beberapa faktor penyebabnya.

Bagi mendidik dan memupuk sikap penjaja terhadap tanggungjawab sosial mereka kepada komuniti bandar yang lain bukannya mudah dan tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Namun, untuk mengatasinya ia perlu kerjasama semua pihak terutamanya pentadbir penjaja, persatuan penjaja dan para penjaja semua. Paling utama sekali, ialah peranan ini hendaklah dipikul oleh DBKL dan persatuan penjaja melalui mengadakan kursus, latihan, khidmat nasihat setiap masa dan sebagainya.

#### **6.5.6 Menyusun Semula Jabatan Pengurusan Penjaja Dan Perniagaan Kecil, DBKL**

Jabatan Pengurusan Penjaja dan Perniagaan Kecil, DBKL perlu dirombak dan disusun semula, supaya fungsi dan peranan jabatan ini lebih jelas. Kini jabatan ini agak terhad bidang tugasnya, di mana urusan-urusan tertentu dijalankan oleh jabatan lain dalam DBKL. Keadaan seperti ini akan mengelirukan para penjaja dan orang ramai dan yang penting sekali

### **6.5.7 Merancang Pembangunan Sektor Penajaan Secara Bersepadu.**

Melalui DEB, strategi-strategi pembangunan ekonomi dan sosial telah bergerak dengan pesat, terutama sekali penglibatan golongan yang berpendapatan rendah dalam pelbagai kegiatan ekonomi bandar di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya, perhatian terhadap masalah golongan yang berpendapatan rendah telah bermula sejak negara mencapai kemerdekaan daripada kerajaan Inggeris pada tahun 1957 lagi. Walau bagaimanapun, hanya dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Ke Empat (RME), tahun 1981 – 1985, inisiatif yang lebih serius daripada pihak kerajaan telah dimulakan, terutama sekali dalam memperkenalkan sektor ekonomi informal di bandar-bandar di Semenanjung Malaysia. Usaha ini berterusan sehingga kini. Walau bagaimanapun, usaha dan langkah yang diambil masih belum berkesan dan berbagai-bagai implikasi yang muncul, menyebabkan program ini tidak dapat dilangsungkan sewajarnya. Kemiskinan bandar tidak dapat dihapuskan dalam jangka masa yang diharapkan, malah ianya masih berleluasa dan amat rumit untuk diatasinya.

Berbagai-bagai pendapat dan pandangan diutarakan, baik oleh ahli akademik, ahli politik ataupun para perancang dan pentadbir bandar. Apa yang paling ketara dalam mengatasi permasalahan ini ialah merancang secara bersepadu pembangunan ekonomi dan sosial yang melibatkan golongan berpendapatan rendah dan miskin. Program pembangunan sektor ekonomi informal hendaklah disepadukan dengan program pembangunan yang baru dibangunkan. Misalnya, program pembangunan perumahan awam, tidak hanya

parkan, adalah hakikat sebenar mengenai penjaja dan penjajaan di bandar raya. Keadaan seperti ini mungkin berlainan dengan penjaja-penjaja yang terdapat di bandar-bandar lain. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar dibuat kajian juga mengenai penjaja dan penjajaan, seperti yang terdapat di bandar Kuantan, Ipoh, Port Baharu, Kuching dan sebagainya, untuk tujuan perbandingan serta menambah eksi yang ada.

Mengenai kegiatan menjaja di Kuala Lumpur, mungkin kajian ini tidak lengkap penuhnya, kerana pengkaji menghadapi permasalahan tertentu, terutamanya untuk mendapat maklumat yang tepat. Oleh yang demikian, dengan menjadikan kajian ini sebagai asas, adalah disarankan agar pihak DBKL membuat kajian terperinci di masa akan datang, dengan menjadikan kesemua bilangan penjaja yang ada di Kuala Lumpur ini sebagai responden, supaya kajiannya lebih berkesan lagi. Pengkaji mencadangkan ini, kerana DBKL mempunyai kekuatan dari segi kewangan dan inaga kerja.